

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**2022**

**HARI RABU : 16 MAC 2022**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 6, 11 HINGGA NO. 77 )**

**[SOALAN NO. 6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN  
SOALAN NO. 22, 28, 40 DAN 53]**

**NOTA : [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mewujudkan atau berniat mewujudkan hubungan dengan Kerajaan Afghanistan yang ditadbir pihak Taliban pada waktu ini, serta nyatakan bentuk hubungan tersebut termasuk bantuan yang ingin diberi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**SOALAN**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [ Kota Raja ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah adanya usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk melobi badan-badan antarabangsa agar negara tersebut tidak dikenakan sebarang sekatan ekonomi yang akan menambah buruk kesan kepada rakyat Afghanistan yang terlalu lama hidup dalam perang dan kemiskinan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mengakui (*recognize*) kesahihan/legitimasi Kerajaan Afghanistan yang kini diterajui atau dikawal oleh Taliban memandangkan duta khas Kerajaan ke Timur Tengah, Abdul Hadi Awang, telahpun berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan wakil Taliban di Qatar baru-baru ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING  
[ BANGI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap Kerajaan Taliban di negara Afghanistan dan sama ada pertemuan di antara duta khas Perdana Menteri ke Asia Timur dengan wakil dari Kerajaan Taliban di Qatar, Doha, pada bulan awal bulan Februari 2022 dihadiri oleh wakil dari Kementerian Luar Negeri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG  
[ BAGAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah jenis bantuan yang diberikan kepada Kerajaan Taliban di Afghanistan ekoran kenyataan Duta Khas Timur Tengah dan sejauh manakah ia terletak dalam bidang kuasa beliau memandangkan Afghanistan bukan terletak di Timur Tengah serta pendirian rasmi Kerajaan terhadap pengiktirafan Afghanistan sedangkan perkara berkaitan hak asasi wanita masih belum diselesaikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

2. Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh **Kota Raja, Bukit Gelugor, Bangi, Bagan, Bachok, Kepong** dan **Lumut**, masing-masing bertarikh 16 dan 22 Mac 2022 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.
3. Secara keseluruhannya, ada tiga isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu:

- i. Pendirian Malaysia terhadap Afghanistan;
- ii. Bentuk hubungan dan isu pengiktirafan Kerajaan Afghanistan; dan
- iii. Usaha Malaysia dalam pembinaan semula Afghanistan.

Tuan Yang di-Pertua,

**PENDIRIAN MALAYSIA SERTA TAHAP HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN AFGHANISTAN**

4. YB Menteri Luar telah menghadiri Mesyuarat Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri bagi membincangkan situasi Afghanistan, di Islamabad, Pakistan pada 19 Disember 2021.
5. Semasa mesyuarat tersebut, Malaysia telah mengetengahkan pendirian Malaysia, antaranya pembinaan negara dan bantuan kemanusiaan kepada Afghanistan mestilah diterajui oleh Afghanistan, dimiliki oleh Afghanistan dan dikawal oleh Afghanistan.
6. Malaysia juga menyeru masyarakat antarabangsa supaya mengelakkan keruntuhan ekonomi Afghanistan secara menyeluruh dan meningkatkan usaha pemberian bantuan kemanusiaan antarabangsa kepada Afghanistan.

7. Kesemua negara OIC dan bukan OIC yang hadir di mesyuarat tersebut telah sebulat suara bersetuju membantu menyelesaikan krisis kemanusiaan di Afghanistan dengan kadar segera dan menggesa supaya usaha turut diambil untuk mencegah keruntuhan ekonomi Afghanistan. Negara anggota OIC terus menegaskan supaya kerajaan sementara Afghanistan melindungi hak asasi manusia dan kesejahteraan rakyat Afghanistan serta meluaskan akses wanita dalam pekerjaan dan pendidikan.

### **ISU PENGIFTIRAFAN KERAJAAN AFGHANISTAN**

8. Lawatan kerja Utusan Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah ke Doha, Qatar adalah dari 31 Januari hingga 4 Februari 2022. Utusan Khas YAB Perdana Menteri mempunyai peranan-peranan tertentu dalam hubungan dengan negara-negara di rantau tersebut.

9. Libat urus ini tidak bermakna Malaysia mengiktiraf kerajaan Afghanistan. Usaha-usaha libat urus ini adalah penting bagi memastikan Afghanistan tidak mengalami keruntuhan dari segi sosio-ekonomi dan kemanusiaan.

10. Sebagaimana yang telah diumumkan sebelum ini, pengiktirafan Kerajaan Afghanistan boleh berlaku melalui dua saluran:

- i) Sebagai sebuah negara anggota OIC, Malaysia boleh mengambil kira pendirian yang ditetapkan secara bersama dalam pertubuhan ini terhadap isu pengiktirafan di Afghanistan; dan
- ii) Mengiktiraf kerajaan Afghanistan bersama dengan negara-negara yang sehaluan (*like-minded*) setelah Kerajaan tersebut dianggap telah memenuhi dan mematuhi kesemua syarat yang ditetapkan iaitu penubuhan sebuah kerajaan yang inklusif, memelihara dan mempertahankan hak asasi golongan wanita dan etnik minoriti di Afghanistan.

**USAHA MALAYSIA UNTUK MEMBINA DAN MEMBANGUN SEMULA AFGHANISTAN, TERMASUK BANTUAN YANG INGIN DIBERI**

11. Dalam usaha membantu untuk membina dan membangun semula Afghanistan, Malaysia akan terus memainkan peranan dengan cara tersendiri contohnya Kementerian Luar Negeri, melalui beberapa perwakilan diplomatik di luar negara, telah menjadi pemudah cara kepada NGO-NGO Malaysia untuk melaksanakan misi bantuan kemanusiaan di Afghanistan. Malaysia sedia bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk pembangunan semula Afghanistan apabila situasi dan keadaan di Afghanistan mengizinkan.

12. Pada masa sama, Malaysia menggalakkan sektor swasta negara untuk meninjau peluang pelaburan dan perdagangan di Afghanistan. Terdapat banyak potensi pelaburan dan perdagangan di Afghanistan seperti infrastruktur, perlombongan, pertanian, telekomunikasi dan perbankan Islam. Selain itu, Kerajaan kekal komited untuk menyediakan program pembinaan kapasiti teknikal melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Malaysia akan terus memantau perkembangan di Afghanistan. Sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh YB Menteri Luar Negeri pada 14 Mac yang lalu, saya akan mewakili Malaysia ke Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC di Islamabad pada 22-23 Mac 2022. Kita jangkakan akan ada perkembangan selepas mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesiapsiagaan Kerajaan untuk membuka sepenuhnya sempadan tanpa keperluan kuarantin untuk menerima pelancong asing supaya kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia terjamin.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Sebagaimana semua sedia maklum, pada 8 Mac 2022, Kerajaan telah mengumumkan bahawa bermula 1 April 2022, negara akan memasuki “Fasa Peralihan ke Endemik” dan pembukaan sempadan negara.
2. Kawalan di Pintu Masuk Antarabangsa yang melibatkan protokol dan kuarantin juga akan diteruskan bagi semua pengembala yang masuk ke Malaysia. Pengembala yang lengkap divaksinasi masih perlu menjalani ujian pengesahan COVID-19, 2 hari sebelum berlepas dan dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan serta tidak perlu menjalani kuarantin.
3. Bagi pengembala yang tiada vaksinasi lengkap / tidak menerima vaksin perlu menjalani pengujian sebelum berlepas dan semasa ketibaan serta pengujian dan kuarantin selama 5 hari selepas ketibaan. Prosedur Operasi Standard (SOP) terperinci bagi pengembala yang melalui jalan darat pula akan diumumkan dalam masa terdekat.
4. Pada masa yang sama, adalah penting untuk dijelaskan bahawa Fasa Peralihan Endemik ini memberikan fokus kepada perubahan daripada kebergantungan kepada intervensi Kerajaan kepada tanggungjawab komuniti dan individu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG KOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah nilai tujuh satelit Malaysia di angkasa yang sudah *expired* atau sudah memasuki fasa akhir hayatnya dan tidak berfungsi lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Setakat hari ini, Malaysia telah melancarkan sembilan buah satelit iaitu TiungSAT-1, RazakSAT®, MEASAT-1, MEASAT-2, MEASAT-3, MEASAT-3a, MEASAT-3b, UiTMSAT-1 dan InnoSAT-2.

2. Satelit TiungSAT-1 dan RazakSAT® telah dilancarkan oleh kerajaan Malaysia manakala satelit yang lain dilancarkan oleh pihak universiti dan syarikat swasta. Sehingga kini, hanya satelit MEASAT-3a dan MEASAT-3b yang masih aktif dan tujuh buah satelit yang lain telah tamat tempoh pengoperasiannya.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Jumlah perbelanjaan modal, dengan izin *capital expenditure*, diambil kira untuk menganggar nilai bagi tujuh satelit Malaysia yang tamat pengoperasiannya. Perbelanjaan modal sesebuah satelit adalah termasuk kos untuk membangunkan satelit, pelancaran satelit serta insurans dan secara umumnya, nilai satelit bergantung kepada berat satelit yang dibangunkan. Sebagai contoh, berat satelit komunikasi seperti satelit siri MEASAT adalah lebih tinggi berbanding satelit penderiaan jauh seperti TiungSAT-1 dan RazakSAT® serta satelit nano seperti UiTMSAT-1 dan InnoSAT-2. Oleh itu, satelit siri MEASAT mempunyai anggaran nilai yang paling tinggi antara satelit-satelit Malaysia yang dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berdasarkan jumlah perbelanjaan modal untuk setiap satelit, nilai anggaran keseluruhan bagi ketujuh-tujuh satelit yang telah tamat tempoh pengoperasian ialah sebanyak **RM 1.78 bilion**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU  
[ LIBARAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS @ TUBAU [ LIBARAN ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tindakan segera dan langkah pencegahan yang diambil oleh Kementerian untuk memerangi perubahan iklim dan kesannya lanjutan bencana banjir baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi langkah jangka pendek yang memerlukan tindakan segera, KASA melalui agensi JPS, MET Malaysia dan NAHRIM telah melaksanakan beberapa tindakan seperti tindakan tuntas untuk mengawal dan memantau aset-aset air bagi menangani impak banjir untuk pintu-pintu empangan, pam dan pintu air, meningkatkan keberkesanan sistem amaran awal dan meningkatkan keupayaan serta kecekapan model-model ramalan perkhidmatan cuaca.
2. Sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Komunikasi Kebangsaan yang Ketiga (NC3), negara mengalami tiga impak utama akibat daripada kesan perubahan iklim iaitu kejadian banjir yang lebih ekstrem, kemarau panjang dan kenaikan aras laut. Bagi mengurangkan impak perubahan iklim dan mengekalkan kelestarian pembangunan sosioekonomi negara, Kerajaan sedang merangka dan melaksanakan pelbagai tindakan menangani perubahan iklim yang merangkumi langkah mitigasi dan adaptasi secara menyeluruh dan bersepadu. Antara langkah jangka panjang yang akan diambil termasuklah membangunkan Pelan Adaptasi Kebangsaan atau *National Adaptation Plan* (NAP), dengan kerjasama rakan pelaksana yang dikenal pasti. Selain itu, KASA melalui NAHRIM telah mengambil inisiatif awal menerusi penerbitan buku *Climate Change Adaptation Framework for Water Sector* sebagai dokumen rujukan kepada semua pihak berkepentingan dalam merangka strategi adaptasi bersesuaian. Strategi kerangka adaptasi sektor air yang telah digariskan merangkumi komponen sumber air, perkhidmatan dan penggunaan air, dan bencana berkaitan air. Ia akan dijadikan sebagai input dan elemen penting dalam penyediaan NAP serta menjayakan perancangan Water Sector Transformation 2040 (WST2040), khususnya untuk menangani pelbagai isu berkaitan perubahan iklim dalam sektor air.
3. Di samping itu, impak perubahan iklim yang terbesar kepada negara melibatkan sektor air. Ini terbukti dengan Laporan Khas Jabatan Perangkaan Malaysia yang telah menyatakan kerugian dan kerosakan akibat banjir pada Disember 2021 yang lalu dianggarkan sebanyak RM6.1 billion. Justeru, KASA akan memperkasa tadbir urus adaptasi perubahan iklim khusus untuk sektor air dan bercadang untuk membangunkan kerangka perundangan Adaptasi Perubahan Iklim untuk sektor air. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
( SHAH ALAM )**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD ( SHAH ALAM )** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status pembangunan kawasan Sungai Baru, Kampong Bharu dan adakah Kerajaan akan terus menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk mengambil tanah yang tidak setuju untuk diberi kepada pemaju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita saya memaklumkan bahawa cadangan Projek Pembangunan Semula Kawasan Sungai Baru, Kuala Lumpur diteruskan bagi merealisasikan pembangunan semula dapat dilaksanakan agar kepentingan pemilik yang majoritinya telah bersetuju diambil kira.

Pada masa kini, perolehan tanah bagi pemilik yang tidak menandatangani perjanjian usaha sama sedang dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL). Akta Pengambilan Tanah, 1960 (APT, 1960) digunakan berdasarkan Dasar KWP mengikut Garis Panduan Pembaharuan Semula Pembangunan di Kuala Lumpur, sekiranya peratusan persetujuan awal antara pemilik dan pemaju mencapai sekurang-kurangnya 50%.

Akta ini, membenarkan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil mana-mana tanah bagi tujuan pembangunan ekonomi Malaysia namun prinsip hak kepada harta hendaklah dipatuhi.

Berdasarkan tawaran usaha sama pemaju, sejumlah **219 lot teres dan unit flat** iaitu 66.77% yang **melibatkan 27 lot teres dan 192 unit flat telah bersetuju** menandatangani perjanjian usaha sama. Manakala perolehan tanah bagi baki **109 lot teres dan unit flat** iaitu 33.23% yang melibatkan **37 lot teres dan 72 unit flat** yang **tidak menandatangani** perjanjian usaha sama telah dilaksanakan menggunakan Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Berdasarkan maklumat dari JKPTG WPKL, Proses Pengambilan Tanah untuk 72 unit flat telah selesai dan di award pampasan. Pampasan dimaksudkan adalah bernilai RM203,000 hingga RM325,000 per petak dengan mengambilkira faktor-faktor seperti berikut:

## **SOALAN NO : 14**

1. Keluasan petak rumah;
2. Kos pengubahsuaian dan pembakaian rumah;
3. Kedudukan tingkat rumah; dan
4. Kos pindah.

Daripada 72 unit flat, 13 unit daripadanya telah mengemukakan borang bantahan, Borang N, Akta Pengambilan Tanah, 1960 kepada JKPTG WPKL. Pengambilan tanah bagi baki 37 lot teres dan 1 lot pencawang elektrik ditangguhkan sementara sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Pihak pemaju telah menyediakan satu tawaran baharu yang dinamakan Pakej Harmoni kepada pemilik unit flat yang telah diputuskan jumlah pampasan oleh JKPTG WPKL pada sesi siasatan pengambilan tanah.

Pada perjumpaan 10 Februari 2022 lalu, pemilik lot teres telah memohon agar jumlah pampasan pengambilan tanah yang setimpal dan adil diberikan. Walau bagaimanapun, penentuan jumlah pampasan pengambilan tanah dibuat oleh JKPTG WPKL berdasarkan Jadual Pertama kepada Akta Pengambilan Tanah, 1960.

Kementerian juga telah memohon pemaju untuk menimbang dan mengkaji semula tawaran atau pakej yang lebih baik untuk diberikan kepada pemilik rumah teres yang terlibat dengan pengambilan tanah sekiranya mereka ingin menyertai semula pembangunan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN  
MD YUSOF [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perancangan Kerajaan bagi meningkatkan sumbangan usahawan Bumiputera di dalam KDNK negara.

**JAWAPAN**

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam usaha untuk meningkatkan sumbangan usahawan Bumiputera di dalam KDNK negara, kerajaan telah melancarkan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) pada 6 Disember 2021.
  
2. TPB2030 dibangunkan dengan salah satu sasaran utamanya adalah sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) perusahaan Bumiputera sebanyak 20% kepada KDNK menjelang tahun 2030.

## **NO. SOALAN: 15**

3. Bagi mencapai sasaran ini, sebanyak 142 program pembangunan dan inisiatif yang sebahagian besarnya akan dipacu oleh pihak swasta telah dikenalpasti. Program pembangunan dan inisiatif ini terangkum di bawah 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), 7 bidang keutamaan (PA) dan 3 Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA) seperti yang digariskan di bawah TPB2030.
4. Sebanyak RM101.27 bilion dana diperlukan bagi menjayakan kesemua program pembangunan serta inisiatif ini, di mana 90% atau RM91.14 bilion pembiayaan akan ditanggung oleh pihak swasta atau pemilik program pembangunan, manakala baki sehingga 10% lagi dibiayai melalui dana kerajaan, tertakluk kepada ketersediaan peruntukan (*availability of funds*).
5. Bagi memastikan pelaksanaan TPB2030 mencapai sasaran yang ditetapkan, TERAJU sebagai agensi yang telah dimandatkan oleh Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) selaku agensi penyelaras TPB2030 akan bekerjasama dengan kementerian melalui Unit Pemerksaan Agenda Bumiputera (UPAB) di setiap kementerian dan di setiap negeri bagi memudahcara, memantau dan seterusnya melaporkan pencapaian pelaksanaan kesemua program-program Pembangunan di bawah TPB2030 secara berkala kepada MKB.
6. Manakala di peringkat GLC/GLIC, pemantauan dan pelaporan akan dibuat melalui Jawatankuasa Khas Agenda Bumiputera Syarikat Berkaitan Kerajaan & Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (JKHAS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan kebolehdapatan dan keperluan sumber air negara mampu untuk terus dilestari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Penubuhan KASA merupakan satu langkah dalam memastikan pengurusan air dapat dilaksanakan secara holistik. Bagi memastikan kebolehdapatan dan keperluan sumber air negara mampu untuk terus dilestari, KASA sedang melaksanakan Kajian Dasar Air Negara. Kajian dasar ini akan dapat membantu Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menguruskan air untuk faedah rakyat dan juga alam sekitar. Dasar ini juga akan memastikan pengurusan air yang lestari daripada sumber dan balik semula ke sumber (*source to source*) dengan mengambil kira pelbagai konsep dan pendekatan seperti *circular economy* dan *green economy*. Selain itu, ia juga akan memastikan keputusan yang dibuat semasa penyediaan perancangan pembangunan, pelan kecemasan dan pembangunan tanah dan aktiviti-aktiviti lain mengambil kira pengurusan air yang holistik.

2. KASA juga akan melaksanakan Transformasi Sektor Air 2040 (*Water Sector Transformation 2040 – WST 2040*) secara empat (4) fasa bermula

## **SOALAN NO : 16**

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sehingga RMKe-15. Fokus utama WST 2040 bagi fasa pertama 2021-2025 adalah bagi memperkuuhkan pelaksanaan *Integrated Water Resources Management* (IWRM). IWRM merupakan satu konsep yang diguna pakai di peringkat antarabangsa yang menekankan kepada keseimbangan antara pembangunan dan pengurusan air, tanah dan sumber-sumber lain yang berkaitan. Ia bertujuan untuk memaksimakan keberhasilan sosio-ekonomi yang saksama tanpa menjelaskan kelestarian ekosistem.

3. Antara projek yang dilaksanakan bagi menyokong pelaksanaan IWRM di bawah RMKe-12 adalah Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), Program Pembangunan *Water Balance* Bagi Pengurusan Sumber Air Negara (NAWABS) dan Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (PRAB). Kesemua projek ini merupakan projek sambungan yang telah dilaksanakan dalam beberapa Rancangan Malaysia yang lalu dan merupakan antara *enabler* dalam menyokong pengurusan sumber air yang lestari. Pengukuhan pelaksanaan IWRM akan memastikan negara berada di landasan yang terbaik untuk mengubah landskap pengurusan air negara ke arah menjadikan Malaysia hub industri air di rantau ini menjelang 2040.

4. Pendekatan perlaksanaan IRBM dalam pengurusan lembangan sungai memfokuskan kepada empat (4) objektif utama iaitu:

- i. Memastikan air mencukupi,
- ii. Memastikan air bersih,
- iii. Mengurangkan risiko banjir dan
- iv. Melestarikan alam sekitar.

Melalui pelan IRBM, cadangan perancangan dan pembangunan sumber air di dalam sesbuah lembangan mestilah dijadikan rujukan mandatori oleh pihak Kerajaan Negeri dan semua pihak berkepentingan bagi memastikan kelestarian alam sekitar dapat dipelihara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan pelan atau perancangan yang berfokus untuk melindungi haiwan ternakan dan haiwan liar sekiranya banjir berlaku dalam skala yang lebih besar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa membantu penternak melindungi haiwan ternakan sekiranya banjir berlaku. Antara langkah yang diambil ialah:

- (i) Mengaktifkan Bilik Bencana Banjir dan menggerakkan pegawai dan kakitangan bagi menyelaras dan membantu memindahkan ternakan dari kawasan terjejas ke kawasan lebih selamat;
- (ii) Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) dengan memberi bantuan berbentuk barang (*in-kind*) seperti bahan binaan untuk baik pulih kandang/ reban, logistik, gantian ternakan, makanan ternakan dan ubat-ubatan;

**NO. SOALAN : 17**

- (iii) Bantuan MAFI Prihatin Pasca Banjir; dan
- (iv) memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan teknikal veterinar seperti rawatan ternakan yang sakit dan program kesihatan gerompok menerusi pegawai-pegawai pengembangan di lapangan.

Perancangan yang berfokus untuk haiwan liar adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukkan kepada Angkatan Pertahanan Awam Sibu sejak lima tahun yang lalu. Senaraikan jumlah yang diperuntukkan mengikut tahunan dan bagaimana kerajaan memastikan bahawa mereka telah memberikan kemudahan dan peruntukkan dana yang mencukupi untuk operasi mereka.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah menyalurkan peruntukkan perbelanjaan semasa secara tahunan kepada seluruh negeri – negeri di Malaysia berdasarkan justifikasi keperluan negeri tersebut termasuk negeri Sarawak. Adalah menjadi kebijaksanaan buat semua ketua PTJ iaitu Pengarah Pertahanan Awam Negeri membelanjakan keperluan dan membuat agihan berdasarkan keperluan semasa ke daerah-daerah dalam kawasan tanggungjawab mereka.

**NO SOALAN: 18**

2. Jumlah peruntukan kewangan yang telah diperuntukkan kepada APM Sarawak sejak lima tahun yang lalu;-

| Tahun | Peruntukan Kewangan APM Sarawak |
|-------|---------------------------------|
| 2018  | 2,295,250.00                    |
| 2019  | 7,364,170.00                    |
| 2020  | 12,775,190.00                   |
| 2021  | 17,504,290.25                   |
| 2022  | 5,762,652.00                    |

3. Pihak kerajaan melalui APM perlu memastikan bahawa segala kemudahan seperti ruang pejabat dan Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) yang telah disediakan di manfaatkan sepenuhnya. Sebagai contoh ruang pejabat yang dilengkapi dengan kemudahan asas sesebuah pejabat seperti bekalan internet, elektrik dan peralatan pejabat serta kemudahan logistik /aset kenderaan berupa kenderaan pacuan empat roda dan trak menyelamat. Biarpun pada masa ini, pihak APM Sibu masih belum mempunyai ruang pejabat milikan sendiri, namun, APM menduduki Wisma Persekutuan Sibu secara percuma tanpa sewaan.

4. Sehingga hari ini, APM Daerah Sibu menerima peruntukan dana yang mencukupi untuk pengoperasian mereka, baik dari segi bayaran elauan petugas termasuklah belanja mengurus dalam pengoperasian harian pejabat tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [ KUALA NERUS]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status jawatankuasa teknikal melukis garisan sempadan maritim di antara Malaysia dan Singapura.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman Ahli Dewan, rundingan persempadanan maritim antara Malaysia dan Singapura dilaksanakan melalui dua (2) Jawatankuasa iaitu (i) *Committee for Boundary Delimitation ("CBD")*; dan (ii) *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee on the Implementation of the International Court of Justice Judgement on Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge ("MSJTC")*.

3. Pembahagian Skop Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah berdasarkan kawasan yang akan disempadankan iaitu kawasan barat Selat Singapura oleh CBD, dan kawasan di sebelah timur Selat Singapura iaitu Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan oleh MSJTC.

**NO. SOALAN : 19**

4. Sejak penubuhannya pada tahun 2019, CBD dan jawatankuasa kecil di bawahnya telah mengadakan mesyuarat dua hala sebanyak enam (6) kali dengan pihak Singapura. MSJTC pula, antara lain, telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil iaitu *Sub-Committee on Maritime Boundary Delimitation of Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge* pada 21 Januari 2020, iaitu setelah kerja-kerja teknikal termasuk tinjauan hidrografi di kawasan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan selesai dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Proses rundingan persempadanan maritim antara Malaysia dan Singapura adalah kompleks. Pebagai aspek perlu diteliti bagi memastikan kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara dalam rundingan-rundingan yang dijalankan.

6. Walaupun berlatar belakangkan sensitiviti dan kekangan-kekangan yang dihadapi termasuklah pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020, kedua-dua CBD dan MSJTC telah berjaya memuktamadkan terma rujukan bagi persempadanan maritim kawasan masing-masing pada mesyuarat peringkat jawatankuasa yang diadakan secara berturut-turut pada 23 November 2021.

7. Dengan pemuktamadan terma-terma rujukan bagi CBD dan MSJTC, kedua negara boleh memulakan rundingan teknikal persempadanan maritim.

8. Kementerian Luar Negeri akan terus berusaha agar momentum positif rundingan diteruskan dan dalam masa yang sama, sentiasa memastikan kepentingan negara terpelihara. Mesyuarat jawatankuasa CBD dan MSJTC yang seterusnya dijangka akan diadakan pada penggal pertama tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN ( BUKIT BINTANG )**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN ( BUKIT BINTANG )** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berikutan negara dilanda pandemik dan PKP, ramai penjaja telah dibenarkan menjaja di tepi jalan raya yang menimbulkan masalah lalu lintas, apakah perancangan dan tindakan DBKL ke atas penjaja - penjaja lesen sementara dan usaha penempatan semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tempoh Lesen Penjaja Lesen Sementara KL Prihatin bagi Inisiatif Wilayah Bebas Niaga telah dilanjutkan sehingga 6 bulan mulai Januari 2022 sehingga Jun 2022 dan tiada bayaran fi lesen dikenakan.

Pihak DBKL sentiasa memantau dan mengambil tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan masalah yang melibatkan lalulintas, kebersihan dan sebagainya.

Bagi perancangan jangka panjang pihak DBKL akan memberi penempatan semula di lokasi yang dibenarkan adalah seperti berikut :-

- i. Pengisian di Pusat Penjaja dan Pasar Berbangunan sedia ada.
- ii. Pembinaan pusat penjaja yang baru.
- iii. Penyewaan bangunan komersil
- iv. Pengisian di Pasar Malam atau Pasar Terbuka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[TUMPAT]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pekerjaan mengikut Kluster Ekonomi utama yang telah dan akan dicipta sejak tahun 2008 sehingga 2025 kepada rakyat negeri Kelantan dalam projek di bawah East Coast Economic Region (ECER).

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah sasaran bilangan pekerjaan dan yang telah dan akan dicipta mengikut Kluster Ekonomi utama sejak tahun 2008 sehingga 2025 kepada rakyat negeri Kelantan dalam pelaburan di bawah East Coast Economic Region (ECER) adalah seperti berikut:

| No | Kluster   | Pencapaian 2008 sehingga 31 Januari 2022 (merangkumi Pelan Induk ECER 1.0 dan 2.0) | Sasaran 2025 (Pelan Induk ECER 2.0) |
|----|---|--|-------------------------------------|
| 1  | Pelaburan swasta<br>a) Pembuatan<br>b) Minyak, gas dan petroleum<br>c) Pelancongan<br>d) Perniagaan Tani<br>e) Logistik | 13,064<br>-<br>1,095<br>2,009<br>428   | 10,673<br>286<br>1,122<br>692<br>-  |
| 2  | Pembangunan Modal Insan   | 11,758   | 16,210                              |
|    | <b>Jumlah</b>   | <b>28,354</b>  | <b>28,983</b>                       |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [KUALA KRAI]**

**TARIKH : 16 MAC 2021 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan keberkesanan pembelajaran KAFA kepada murid-murid sekolah rendah dan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan pembelajaran KAFA ke peringkat sekolah menengah.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang dilaksanakan sejak tahun 1990 adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan atas Pendidikan Islam bagi kanak-kanak berumur dari 7 tahun hingga 12 tahun. Program ini menggunakan kurikulum dan buku teks KAFA yang diperakukan oleh JAKIM dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran dan asas-asas fardu ain bagi membentuk kemenjadian murid yang cemerlang di dunia dan akhirat. Ia juga sebagai pengukuhan kepada mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah arus perdana dengan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjumlah

240 minit seminggu. Melalui Program KAFA, kelas pengajian al-Quran dan fardu ain yang seragam dan bersepadu di seluruh Malaysia dapat dilaksanakan.

2. Sehingga kini, murid-murid yang mengikuti Program KAFA dapat menguasai bacaan al-Quran, jawi dan asas-asas fardu ain dengan pencapaian yang membanggakan. Ini dibuktikan dengan keputusan cemerlang murid dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) selama tiga tahun berturut-turut bagi subjek Amali Solat, Al-Quran dan Jawi & Khat dengan pencapaian lulus seperti berikut:

| Subjek / Tahun | 2018  | 2019   | 2021   |
|----------------|-------|--------|--------|
| Amali Solat    | 99.9% | 99.9%  | 97.4%  |
| Al-Quran       | 99.8% | 99.86% | 96.89% |
| Jawi dan Khat  | 94.3% | 93.2%  | 94.77% |

3. Perkara ini juga dapat diterjemahkan melalui kebolehan dan keyakinan diri yang ditunjukkan oleh murid-murid KAFA yang menyertai program tahunan Ihtifal KAFA Kebangsaan (IKK) anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang mana para peserta telah menunjukkan bakat yang sangat membanggakan menerusi acara-acara yang dipertandingkan merangkumi tilawah al-Quran, hafazan al-Quran dan bercerita kisah al-Quran.

4. Berhubung cadangan mewujudkan pembelajaran KAFA ke peringkat sekolah menengah, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini JAKIM telah melaksanakan program MyInsaniah yang merupakan kesinambungan kepada Program KAFA. Ia sebagai usaha memantapkan program pendidikan Islam dalam kalangan murid berusia 13 hingga 17 tahun serta pelajar menengah tinggi. Program ini menggunakan pakai modul khusus yang menerapkan konsep Ihsan dan merupakan intipati penting serta menjadi benteng dalam mengukuhkan jati diri remaja dan belia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN NO.**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap salah satu tuntutan dalam Memorandum Rakyat yang diserahkan ke Pejabat Perdana Menteri pada 20 Januari 2022 supaya meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen termasuk lantikan Ketua Pesuruhjaya.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, struktur yang ada pada SPRM sekarang adalah di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada. Sejak penubuhannya pada tahun 2009, SPRM telah diawasi oleh lima (5) Jawatankuasa Pemantau Bebas yang bertindak sebagai mekanisme semak dan imbang. Lima badan yang dimaksudkan ialah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah.
2. Kerajaan juga telah bersetuju dengan cadangan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan dan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR). Walau bagaimanapun, cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah bidang kuasa Parlimen termasuk lantikan Ketua Pesuruhjaya perlu diperincikan supaya ada mekanisme yang jelas bagaimana cadangan ini dapat dilaksanakan. Selain itu, Kerajaan juga terbuka untuk mendapatkan pandangan daripada semua pihak.
3. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk memastikan tatakelola Kerajaan yang baik demi menjamin keadaan yang lebih kondusif untuk rakyat Keluarga Malaysia dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah sistem *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI) menekankan aspek pendigitalan dalam mengukur, menilai dan memantau prestasi agensi-agensi sektor awam dalam sistem penyampaian perkhidmatan agar selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.
2. Dalam hal ini, MAMPU telah membangunkan mekanisme mengukur, menilai, memantau dan menambahbaik prestasi agensi-agensi sektor awam dalam penyampaian perkhidmatan. Terkini, MAMPU telah memperkenalkan program Penilaian *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI) merangkumi dua (2) dimensi iaitu Pengurusan Organisasi dan Pendigitalan Perkhidmatan dengan wajaran masing-masing sebanyak 40% dan 60%.
3. Dimensi Pendigitalan Perkhidmatan dalam MyGPI ini sememangnya memberi penekanan atau fokus kepada aspek-aspek keperluan Revolusi Industri 4.0, antara lain melibatkan *Malaysia Digital Economy Blueprint* (MyDigital), Dasar 4IR Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam Negara 2021-2025.
4. Antara perkara-perkara yang diambil kira bagi tujuan pengukuran dan penilaian Dimensi Pendigitalan Perkhidmatan adalah Tadbir Urus ICT, Pelaksanaan dan Penggunaan Perkhidmatan Dalam Talian, Penilaian dan Pemantauan Perkhidmatan Dalam Talian, Pemanfaatan Data dan Keselamatan Siber.
5. MyGPI ini juga boleh dijadikan sebagai instrumen bagi memantau sejauh manakah penyediaan perkhidmatan *End-to-End* (E2E) sektor awam dengan sasaran 80% dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan untuk menganjurkan program 100 Hari Aspirasi Keluarga di KLCC pada 9 – 12 Disember 2021 dan jumlah orang yang menyertai program tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah perbelanjaan bagi program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang berlangsung pada 9 hingga 12 Disember 2021 di KLCC adalah sebanyak RM13.696 juta yang meliputi kos pelaksanaan kempen 100 Hari AKM, kos pelaksanaan promosi, publisiti dan tarikan pengunjung, kos bagi keperluan pameran dan Kapsul Keluarga Malaysia, kos persiapan tempat, jurugambar dan juruvideo, keselamatan dan kesejahteraan, kos keurusetiaan dan penginapan, pembayaran yuran pengurusan majlis, kos penyediaan

*goodies bag* kepada pengunjung, perbelanjaan perkhidmatan sepanjang program dan kos-kos tambahan luar jangka.

2. Seramai 106,899 pengunjung telah hadir sepanjang program tersebut berlangsung dan psrs pengunjung telah menerima pelbagai manfaat daripada perkhidmatan secara langsung yang telah ditawarkan Kerajaan. Antara manfaat adalah seperti perkhidmatan insolvensi, permohonan skim kredit, kaunseling kewangan, sesi bimbingan dan khidmat nasihat usahawan, pemberian insentif, pameran Jom Masuk IPT Keluarga Malaysia, Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia, Diskaun Saman Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta banyak lagi.
3. Karnival Kerjaya Keluarga Malaysia juga telah menawarkan 24,136 pelbagai jawatan daripada 75 majikan. Seramai 3,628 peserta daripada 4,005 orang peserta berdaftar telah dipanggil menghadiri temuduga dan lebih 2,690 orang telah berjaya ke tapisan akhir dalam jawatan yang dipohon setakat ini.
4. Program Jom Masuk IPT Keluarga Malaysia pula telah memberi peluang terutamanya kepada lebih 5,000 orang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Para pelajar dan ibu bapa yang hadir untuk mendapatkan maklumat, mendapatkan tawaran secara langsung untuk memasuki program Asasi, politeknik, kolej komuniti dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di samping menerima bantuan berbentuk komputer riba, bantuan tunai, pelan data dan lain-lain lagi.
5. Sebanyak RM574 ribu nilai jualan usahawan telah direkodkan manakala sebanyak RM11 juta potensi jualan telah berjaya disuai padan melalui sesi *Business Matching* sepanjang program tersebut berlangsung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ Hulu Rajang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah projek Jalan Akses ke Empangan Baleh di Bahagian Kapit siap sepenuhnya.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Projek SCORE - Jalan Akses ke Empangan Baleh di Bahagian Kapit, Sarawak yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 73km termasuk 27 buah jambatan dengan kos projek bernilai RM1.419 billion dibahagikan kepada lima belas (15) fasa.
2. Sembilan (9) fasa telah siap pada tahun 2020 dan 2021 manakala baki enam (6) fasa lagi masih di dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2022.  
Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang peranan yang dimainkan oleh TERAJU dalam memastikan kesemua program pembangunan yang digariskan di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

**JAWAPAN**

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Dalam memastikan kesemua program pembangunan yang digariskan di bawah Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) mencapai sasaran yang telah ditetapkan, TERAJU sebagai agensi yang telah dimandatkan selaku agensi penyelaras TPB2030 oleh Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) akan bekerjasama dengan kementerian serta agensi-agensi bermandat Bumiputera bagi memudahcara pelaksanaan kesemua program pembangunan tersebut.
2. Pelaksanaan TPB2030 turut disokong oleh Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) yang akan ditubuhkan di setiap kementerian bagi memacu dan memantau pelaksanaan kesemua program pembangunan di bawah TPB2030. TPB2030 tidak terhad kepada 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), tetapi juga akan melibatkan 7 bidang keutamaan di bawah RMKe-12 dan 3 Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA).
3. Pelaporan mengenai prestasi pelaksanaan program-program akan dibuat oleh kementerian secara berkala kepada MKB melalui TERAJU selaku sekretariat kepada MKB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[LUMUT]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan Rang Undang-Undang mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri kepada 2 penggal dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Memorandum Persefahaman (MoU) Transformasi dan Kestabilan Politik yang ditandatangani Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (PH) pada 13 September 2021 yang lalu merupakan suatu bentuk kerjasama dwi-partisan yang bertujuan memastikan kestabilan politik negara dan mendorong kepada tadbir urus yang cemerlang dalam memerangi COVID-19 dan pemulihan ekonomi. MoU tersebut antara lain mengandungi perkara berkaitan Transformasi Pentadbiran yang mana khusus menyentuh keperluan membentangkan dan meluluskan Rang

Undang-Undang merangkumi cadangan penetapan had tempoh jawatan Perdana Menteri.

Bagi tujuan ini, penetapan dasar yang jelas adalah wajar bagi memastikan peruntukan undang-undang yang digubal berkaitan perkara ini adalah teratur dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Oleh yang demikian, beberapa siri libat urus telah dilaksanakan Kerajaan bersama pihak berkepentingan mulai bulan November 2021 sehingga Februari 2022 seperti:

- (i) Pemimpin Parti Komponen;
- (ii) Jawatankuasa Teknikal Transformasi dan Kestabilan Politik dengan keahlian daripada Kerajaan dan Pakatan Harapan;
- (iii) Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara; dan
- (iv) Kaji Selidik Awam merangkumi orang awam, masyarakat madani (CSO/NGO) dan Ahli Parlimen.

Seterusnya, Kerajaan pada 26 Januari 2022 juga telah memutuskan bahawa Rang Undang-Undang (Anti Lompat Parti dan Penetapan Had Tempoh Jawatan Perdana Menteri perlu dibentangkan kepada semua Ketua Parti Kerajaan bagi mendapatkan input serta pandangan mengenai perkara tersebut termasuk draf pindaan Perlembagaan Persekutuan oleh Jabatan Peguam Negara. Kesemua perkara ini perlu dibentangkan pada sesi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-14 Tahun 2022 selaras dengan MoU berkenaan.

Kesemua sesi libat urus, termasuk bersama semua parti, yang telah dan akan dilaksanakan ini membincangkan dan memuktamadkan persoalan-persoalan dasar yang wajar bagi tujuan penggubalan rang undang-undang melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, Kerajaan pada 11 Mac 2022 telah memutuskan agar keputusan meluluskan pembentangan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2022 mengenai peruntukan pengehadan tempoh jawatan Perdana Menteri sehingga 10 tahun ditangguhkan sehingga suatu sesi khas Perdana Menteri di bawah Peraturan 11(3) Peraturan Peraturan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dilaksanakan

**NO. SOALAN : 30**

berkaitan perkara ini. Hal ini bagi memastikan rang undang-undang yang akan digubal memenuhi ekspektasi semua pihak.

Perkara yang diputuskan ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan komited untuk memastikan pelaksanaan Rang Undang-Undang Penetapan Had Tempoh Jawatan Perdana Menteri melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan sebagaimana ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
[ SIBUTI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [ SIBUTI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan satu pindaan Perlembagaan bagi membolehkan komposisi kerusi Parlimen Sarawak dan Sabah berjumlah 1/3 daripada perwakilan dalam Parlimen Malaysia dan berapa tempoh masa untuk melaksanakan cadangan tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**[INPUT KEPADA PMO]**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan komposisi bilangan kerusi dalam Parlimen adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sebarang penambahan atau pengurangan bilangan kerusi akan melibatkan pindaan kepada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Negara manakala Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Rakyat.

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan adalah berdasarkan Jadual Ketiga Belas dan boleh dimulakan dalam dua cara iaitu, pertama adalah apabila berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Manakala, kaedah yang kedua pula adalah tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Dalam hal ini, Urusan Kajian Semula Persempadanan telah selesai dijalankan bagi Negeri Sarawak pada 2015, Sabah pada tahun 2017 dan Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2018.

Selain itu, isu ini juga telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu Bil. 1/2022 yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) pada 8 Februari 2022 yang lalu. Mesyuarat telah bersetuju supaya isu ini dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Peguam Negara untuk dibincangkan dan diteliti dengan lebih lanjut sebelum Kerajaan membuat apa-apa keputusan berhubung perkara ini.

Justeru, apa juu tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, khususnya melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan perlulah melalui kajian yang mendalam. Pandangan serta maklumbalas daripada semua pihak juga mestilah diperhalusi khususnya permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PORT DICKSON ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak semula skim pencen kakitangan awam secara menyeluruh berikutan keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 13 Januari 2022 berkenaan pindaan skim pencen.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mahkamah Rayuan pada 13 Januari 2022 telah mengisyiharkan bahawa seksyen 3 dan 7 Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 adalah terbatal dan tidak sah kerana bertentangan dengan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya turut menyatakan bahawa kedudukan undang-undang seperti sebelum pindaan kepada seksyen 3 Akta 238 adalah dikembalikan dan terus berkuat kuasa. Ini bermaksud, kadar pencen dan pencen terbitan yang diterima oleh pesara-pesara dan penerima pencen terbitan akan susut kepada kadar asal sebelum diberikan kenaikan 2% dan jumlah yang diterima tersebut adalah kekal dan tidak meningkat.
2. Bagi menjaga kebijakan para pesara, Kerajaan memutuskan supaya dibuat permohonan kebenaran untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Sehubungan itu, tiada semakan semula dibuat bagi skim pencen sedia ada sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan diperolehi.
3. Untuk jangka masa panjang, skim sedia ada akan diperhalusi bagi memastikan beban kewangan Kerajaan lebih mampan dan pada masa yang sama kebijakan pesara turut diberi perhatian sewajarnya selaras dengan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI  
(IGAN)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai isu-isu tuntutan yang sudah selesai dan isu-isu yang masih di dalam perbincangan mengenai Perjanjian Malaysia 1963, bilakah segala tuntutan ini dapat dimuktamadkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejak Majlis Khas MA63 ditubuhkan pada September 2020, perkara-perkara yang telah selesai dilaksanakan di bawah Majlis Khas MA63 ialah seperti berikut:

- (i) **Penyerahan Kuasa Kawal Selia Pengedaran Gas** dengan izin, (*Liquefied Petroleum Gas – LPG*) Kepada Kerajaan Negeri Sarawak telah selesai dilaksanakan sepenuhnya **pada 1 Jun 2021**.
- (ii) **Penyerahan Kuasa Pentadbiran ke Atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan Kepada Kerajaan Negeri Sabah** telah diselesaikan sepenuhnya melalui Perintah Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (Pembatalan) No. 5 2021 yang telah ditandatangani oleh YB Menteri Dalam Negeri pada 30 November 2021. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri Sabah oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK) sewaktu mesyuarat Jawatankuasa Sasaran Penting Negeri Sabah. Meskipun pewartaan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan bagi kedua-dua pulau telah dibatalkan, namun tanggungjawab berhubung keselamatan adalah masih di bawah Kerajaan Persekutuan.
- (iii) **Pemberian Kuasa** (atau dengan izin), **Empowerment Pelesenan Laut Dalam bagi Negeri Sabah** telah diperakukan oleh Majlis Khas MA63 pada 18 Oktober 2021. Surat *Empowerment* berkaitan Pelesenan Perikanan Laut Dalam telah diserahkan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 4 Disember 2021 sewaktu sesi libat urus yang diadakan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah di Kota Kinabalu, Sabah. Manakala, pelaksanaan (dengan izin) **Empowerment Pelesenan Perikanan Laut Dalam turut dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak**. Pelaksanaan perkara ini dijangka akan diselesaikan selewat-lewatnya pada bulan April tahun ini.

- (iv) Terbaru adalah mengenai **Akta Perlembagan Persekutuan (Pindaan) 2022 [Akta A1642]** berhubung Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) dengan memasukkan Perjanjian Malaysia 1963 ke dalam **Perlembagaan Persekutuan** telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa mulai 11 Februari 2022. (*Akta ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 14 Disember 2021 dan Dewan Negara pada 23 Disember 2021 dengan majoriti lebih 2/3*)
- (v) Berhubung **Kajian Semula Mengenai Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan**, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah selesai mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah di bawah Jawatankuasa Perundingan Bersama pada 6 Januari dan 14 Februari 2022 yang lalu. Perundingan dijangka selesai dalam sesi parlimen penggal ini. Manakala perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sarawak akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Tuan yang di-Pertua,

Selain daripada perkara-perkara yang saya nyatakan ini, dijangka akan ada beberapa lagi perkara yang akan dapat diselesaikan pada tahun ini dan akan diumumkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU (BARAM)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN ANYI NGAU (BARAM)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai perancangan untuk mewujudkan serta membina pejabat agensi-agensi Persekutuan berstatus peringkat daerah atau daerah kecil di daerah-daerah serta daerah-daerah kecil yang telah dinaikkan taraf oleh Kerajaan Sarawak sejak beberapa tahun lepas untuk merancakkan pembangunan daerah/daerah kecil tersebut di samping memastikan sistem penyampaian Kerajaan menjadi lebih efektif dan berkesan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat sebanyak **20 buah** Wisma atau Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di seluruh negeri Sarawak yang menempatkan jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat di negeri ini. Lokasi bagi BGP ini adalah terletak di bandar-bandar utama di setiap bahagian (kecuali di Bahagian Serian) di seluruh Sarawak.

Perancangan pembinaan bangunan pejabat agensi persekutuan di daerah-daerah atau daerah yang dinaikkan taraf adalah bergantung kepada kesesuaian dan keutamaan serta bebanan dari segi jumlah tenaga kerja di sesuatu tempat tersebut. Pada masa ini Kerajaan mengambil pendekatan sewaan premis atau berkongsi bangunan dengan agensi Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**  
**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN NO.**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini untuk memastikan jawatan tertentu seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia disahkan oleh Parlimen.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di- Pertua

1. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta-akta yang berkaitan, pelantikan bagi Anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak perlu melalui Parlimen untuk disahkan.
2. Bagi pelantikan Anggota SUHAKAM, peruntukan sedia ada di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 (Akta A1353) adalah berdasarkan kepada Seksyen 5 Akta tersebut dengan mematuhi beberapa tapisan awal daripada Polis Diraja Malaysia

(PDRM), tapisan keutuhan daripada SPRM dan tapisan kebankrapan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi). Manakala, pelantikan Jawatankuasa Pemilihan Anggota SUHAKAM adalah megikut Seksyen 11A(1), Akta A1353.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK), pelantikan di peringkat SPK adalah mengikut kepada:

- i. Perkara 122AB dan 122B Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Seksyen 22 hingga 29 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Akta 695);
- iii. Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Proses Pemilihan dan Kaedah Pelantikan Hakim-Hakim Mahkamah Atasan) 2009

4. Bagi mendokong kebebasan Badan Kehakiman, adalah wajar pelantikan hakim Mahkamah Atasan tidak melibatkan campur tangan Badan Perundangan dan Badan Eksekutif.

5. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan akan terus memberikan komitmen terhadap kebebasan institusi kehakiman, transformasi institusi dan tatakelola Kerajaan yang baik bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif untuk Keluarga Malaysia dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**  
**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [SUBANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian bersetuju bahawa perjanjian antara Kerajaan Negeri Sabah dan Hoch Standard Pte. Ltd. harus ditamatkan sebagai batal dan tidak sah, dan supaya perjanjian itu disiasat untuk rasuah dan salah guna kuasa, bukannya dirundingkan semula.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia bagi tahun 2020 merosot setelah dua tahun berturut-turut dan sebab-sebab Kerajaan enggan membentangkan rang undang-undang (RUU) tentang pembiayaan politik dan RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis (IPCMC).

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

CPI merupakan barometer antarabangsa yang diterbitkan oleh Transparency International (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam badan awam termasuk pegawai dan Anggota Pentadbiran bagi negara-negara di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, pengukuran CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian oleh institusi-institusi antarabangsa. Indeks ini adalah untuk memberi gambaran kepada Kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberi kesan kepada daya saing serta ekonomi negara.

CPI Malaysia untuk tahun 2021 dikira berdasarkan 9 daripada 13 kajian yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi antarabangsa. Laporan tersebut menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ke-2 terbaik selepas Singapura di antara 9 negara ASEAN yang terlibat. Antara perkara yang mempengaruhi skor dan kedudukan negara dalam CPI adalah soalan berbeza yang digunakan antara negara, responden atau kumpulan sasar serta jumlah penglibatan negara yang berbeza setiap tahun. Sebagai contoh, kajian CPI tahun 2021 tidak melibatkan negara Brunei.

Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan agar laporan CPI tersebut lebih adil dan dapat memberi gambaran yang sebenar. Kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI 2021 menunjukkan ketelusan dan komitmen Malaysia dalam penambahbaikan tadbir urus. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif yang telah digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Walau bagaimanapun, harus kita

ingat bahawa usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa akan datang.

Berhubung perundangan pembiayaan dana politik, kajian pewujudan rang undang-undang baharu tersebut pada masa ini sedang dilaksanakan selaras dengan Laporan Semakan Semula NACP, Inisiatif 1.2.3 untuk mengkaji penggubalan rang undang-undang berkaitan dana politik. Kajian ini memberi fokus kepada aspek pengawalseliaan sumbangan politik berteraskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti dan akan mengambil kira pandangan pemegang taruh bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang berkesan.

Berhubung RUU IPCMC, Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 1 April 2020 telah bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dibentangkan semula di Parlimen setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Lanjutan dari keputusan MJM tersebut, KDN melalui Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan kajian terperinci bagi tujuan penggubalan RUU yang baharu bagi menggantikan RUU IPCMC. RUU yang baharu ini dinamakan semula sebagai RUU Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC). RUU IPCC telah dibuat bacaan kali pertama pada 26 Ogos 2020 di Dewan Rakyat. Namun bacaan kali kedua yang dijadualkan pada 27 Ogos 2020 telah ditangguhkan dan akan dibaca di sidang Parlimen yang akan datang.

Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa isu-isu yang dibangkitkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) tidak lagi relevan memandangkan Rang Undang-Undang IPCMC telah ditarik balik daripada pembentangan bacaan kali kedua pada 26 Ogos 2020. Fokus perlu diberikan kepada pembentangan RUU IPCC yang akan dibentangkan untuk bacaan kali kedua di sidang Parlimen yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Akta Profesion Guaman Syarie 2019 yang telah diluluskan semenjak tahun 2019 tidak dikuatkuasakan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL ISLAM)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Profesion Guaman Syarie 2019 [Akta 814] telah diwartakan pada 29 November 2019 dan belum dikuatkuasakan. Bagi tujuan menguatkuasakan Akta tersebut, sepuluh (10) Kaedah-Kaedah perlu digubal di bawah Akta tersebut. Kaedah-Kaedah tersebut adalah seperti yang berikut:
  - (a) Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tatacara Mesyuarat Agung Badan Peguam Syarie);

- (b) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie);
  - (c) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan);
  - (d) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Amalan dan Etika Peguam Syarie);
  - (e) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Kelayakan Bagi Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie);
  - (f) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Publisiti);
  - (g) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Prosiding Tatatertib);
  - (h) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Prosiding Tatatertib) (Rayuan);
  - (i) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tanggung Rugi Profesional); dan
  - (j) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Penjalanan Pemilihan Anggota Majlis Peguam Syarie).
2. Sehingga hari ini, enam (6) draf Kaedah-Kaedah telah dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan seperti berikut:
- (a) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tatacara Mesyuarat Agung Badan Peguam Syarie);

- (b) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie);
  - (c) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan);
  - (d) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Amalan dan Etika Peguam Syarie);
  - (e) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Kelayakan Bagi Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie); dan
  - (f) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Publisiti).
3. Bagi tujuan menguatkuasakan Akta 814, pada 27 Januari 2022 satu kertas cadangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mendapatkan kelulusan MAIWP dan MAIWP telah memberi kelulusan untuk menguatkuasakan Akta 814 tersebut dalam masa terdekat. Perbincangan akan diadakan dengan pihak yang berkaitan untuk menetapkan tarikh kuat kuasa Akta 814 bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat bersedia apabila Akta tersebut dikuat kuasa kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Sarawak sudah membuat permintaan untuk menambah bilangan Ahli Parlimen di Sarawak. Apakah pandangan Kerajaan Persekutuan tentang isu ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan komposisi bilangan kerusi dalam Parlimen adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sebarang penambahan atau pengurangan bilangan kerusi akan melibatkan pindaan kepada Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Negara manakala Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan bagi komposisi Dewan Rakyat.

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan adalah berdasarkan Jadual Ketiga Belas dan boleh dimulakan dalam dua cara iaitu, pertama adalah apabila berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli

Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Manakala, kaedah yang kedua pula adalah tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Dalam hal ini, Urusan Kajian Semula Persempadanan telah selesai dijalankan bagi Negeri Sarawak pada 2015, Sabah pada tahun 2017 dan Negeri-Negeri Tanah Melayu pada tahun 2018.

Selain itu, isu ini juga telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu Bil. 1/2022 yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) pada 8 Februari 2022 yang lalu. Mesyuarat telah bersetuju supaya isu ini dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Peguam Negara untuk dibincangkan dan diteliti dengan lebih lanjut sebelum Kerajaan membuat apa-apa keputusan berhubung perkara ini.

Justeru, apa jua tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan, khususnya melibatkan pindaan Perlembagaan Persekutuan perlulah melalui kajian yang mendalam. Pandangan serta maklumbalas daripada semua pihak juga mestilah diperhalusi khususnya permohonan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN BARU BIAN [SELANGAU]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [SELANGAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan lanjut berkenaan dengan pelaksanaan syor-syor yang dikeluarkan oleh Laporan Inkuiiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli yang diterbitkan oleh SUHAKAM pada tahun 2013.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syor Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli telah diteliti oleh pihak Kerajaan. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli yang telah dibentuk untuk meneliti perkara ini telah bersetuju dengan enam (6) rumusan tindakan yang meliputi:

- (i) Pelaksanaan Pewartaan Mengikut Seksyen 6 Dan 7 Akta Orang Asli;
- (ii) Tahap Keterlibatan Orang Asli Dalam Agenda Pembangunan Bagi Memastikan Kepentingan Mereka Terpelihara Dan Tidak Akan Disalahgunakan Oleh Pihak Lain;

- (iii) Penstrukturran Jabatan Orang Asli Bagi Memastikan Jabatan ini Lebih Aktif Dalam Menyelesaikan Isu-isu Tanah Orang Asli;
- (iv) Latihan Kepada Anggota Yang Terlibat Sama ada Dari Aspek Perundangan Tanah Atau Pentadbiran Orang Asli/Asal. Modul Latihan Bagi Tujuan Untuk Melatih Anggota Yang Terlibat Dicadangkan Diwujudkan Di Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN);
- (v) Melaksanakan Kajian Mengenai Tanah Pegangan Adat; dan
- (iv) Kemudahan Akses Orang Asli Kepada Khidmat Bantuan Guaman Samada Melalui Jabatan Bantuan Guaman (JBG) Atau Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Beberapa tindakan telahpun dilaksanakan selaras dengan rumusan tersebut. Ini termasuklah mengemaskini data tanah yang telah diwartakan bagi tujuan Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 dan juga tanah yang telah diwartakan di bawah undang-undang tanah, mewujudkan Jawatankuasa diterajui oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk meneliti penyelesaian isu berkaitan pewartaan tanah Orang Asli, membangunkan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Orang Asli, merangka penstrukturran semula JAKOA, melaksanakan kursus secara berkala kepada pegawai JAKOA, serta menjayakan kerjasama dengan pihak Jabatan Bantuan Guaman bagi program taklimat kesedaran kemudahan akses bantuan guaman kepada masyarakat Orang Asli.

Dalam hal ini, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri selaku agensi penyelaras status tindakan lanjut berkenaan dengan pelaksanaan syor Laporan Inkiri ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pihak SUHAKAM dan JAKOA bagi meninjau status pelaksanaan rumusan yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **DATO' HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNOS  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH :** **16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mewujudkan Gred KP42 bagi Pegawai Pertahanan Awam yang terlalu lama berada di gred KP38, sama seperti pegawai beruniform lain agar perjawatan APM mempunyai masa depan disebalik pengorbanan mereka menguruskan bencana.

**JAWAPAN:**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) sedang dalam proses mendapatkan kelulusan JPA bagi permohonan pengukuhan organisasi pada 23 September 2021 yang lalu. Bagi cadangan pewujudan gred fasa berikutnya, APM dalam perancangan agar pegawai gred KP38 yang telah lama berkhidmat dinaikkan ke gred KP40 iaitu maksimum untuk kumpulan pelaksanan.
2. Gred KP42 seperti Yang Berhomat nyatakan merupakan kekanan gred bagi KP41 dalam kategori skim kumpulan Pengurusan & Profesional. Namun, perkara ini perlu diteliti dengan lebih terperinci dan melibatkan penyediaan justifikasi yang kukuh kerana pewujudan gred sebegini akan melibatkan pertambahan implikasi kewangan sedia ada dan trade off perjawatan bagi menampung Gred yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[ TEBRAU ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Steven Choong Shiao Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil terhadap pencemaran Sungai Tebrau yang telah lama merosakkan keindahan sekitar daerah Johor Bahru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Indeks Kualiti Air (IKA) bagi Sungai Tebrau adalah dikategorikan sebagai **Kelas III bagi tahun 2018, 2019 dan 2020**. Berdasarkan garis panduan JAS, sungai yang dikategorikan Kelas III boleh digunakan sebagai:
  - i. sumber bekalan air (memerlukan rawatan yang intensif); dan
  - ii. kawasan ternakan (hidupan air) yang tidak sensitif.
2. Sebagai langkah tambahan, dalam usaha mengawal pencemaran Sungai Tebrau yang dikatakan telah lama merosakkan keindahan sekitar daerah Johor Bahru, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - i. meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap kilang-kilang yang beroperasi di sepanjang Sungai Tebrau bagi memastikan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Penguatkuasaan adalah termasuk pemeriksaan ke atas kilang yang dilaksanakan secara berkala, siasatan penguatkuasaan ke atas aduan yang diterima dan penguatkuasaan melalui kaedah *Guided Self-Regulation* (GSR), notifikasi dan pelaporan alam sekitar secara atas talian (*online environmental reporting* - OER);
  - ii. menumpukan perhatian menjalankan kerja penguatkuasaan yang lebih kerap pada kilang yang sering bermasalah atau yang sering diadu;
  - iii. mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana kilang yang gagal mematuhi AKAS 1974 seperti “Penahanan Operasi” terhadap mana-mana mesin, kelengkapan atau peralatan yang melepaskan pencemaran yang ketara mengikut prosedur tetap operasi yang telah berkaitan. Notis Arahan juga dikeluarkan untuk mengarahkan

## **SOALAN NO : 43**

- pihak kilang supaya mengambil langkah-langkah pembaikan dan mengemukakan maklumat atau maklumbalas kepada JAS;
- iv. mewajibkan setiap premis melantik seorang kakitangan yang *competent* (orang yang berwibawa) dalam memastikan sistem pengolahan efluen industri sentiasa berfungsi di tahap yang terbaik; dan
  - v. melakukan pemantauan/intipan menggunakan *drone* sentiasa dijalankan bagi mengesan dan mengenalpasti punca pencemaran yang terdapat di sepanjang Sungai Tebrau.
3. Selain daripada aspek penguatkuasaan dan pemantauan dibawah AKAS 1974, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui JAS akan mengukuhkan Kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Badan Kawalselia Air Negeri Johor (BAKAJ), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Syarikat Indah Water Konsortium dan Syarikat Air Johor (SAJ) bagi memperkemaskan lagi tindakan penguatkuasaan dan pemantauan Sungai Tebrau secara berterusan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.  
NASIR (JOHOR BAHRU)**

**SOALAN**

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek sakit dan projek pembangunan yang lewat daripada garis masa yang sepatutnya bagi projek Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) bagi tahun 2021 dan ikhtiar Kementerian dalam menyelesaikan permasalahan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 16 Mac 2022, 21 fasa projek dikategorikan sebagai sakit. Namun, 10 fasa projek yang terdiri daripada 5,903 unit dijangka mampu pulih pada tahun 2022 dan selebihnya pada tahun-tahun berikutnya.

PR1MA juga telah meletakkan keutamaan dalam menangani isu tersebut melalui **strategi intervensi** dan **mediasi projek**. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengambil alih pengurusan projek daripada kontraktor bermasalah;
- (ii) lantikkan kontraktor penyelamat;

## SOALAN NO: 44

- (iii) mengurus dan membuat pembayaran terus kepada pembekal, perunding dan sub-kontraktor projek; dan
- (iv) membuat rombakan dan perancangan semula kerja-kerja di tapak bagi mempercepatkan penyiapan projek.

Selain itu, langkah yang turut dilaksanakan oleh pihak PR1MA sebagai nilai tambah kepada kerja-kerja hakiki di bawah kontraktor yang bertanggungjawab adalah seperti berikut:

- (i) penglibatan dalam kerja-kerja pengindahan landskap dan peningkatan kualiti fasiliti dalam tempoh akhir pembinaan;
- (ii) mengadakan beberapa sesi perjumpaan dengan wakil pembeli bagi projek-projek yang terkesan iaitu *Homebuyer Review Committee* (HRC) bertujuan untuk memberitahu perkembangan terkini berkenaan status pembangunan projek. HRC juga bertujuan untuk mewujudkan komunikasi dua hala bagi membolehkan pihak pembeli memberi maklum balas dan pandangan kepada PR1MA; dan
- (iii) melaksanakan pembayaran awal sebahagian Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages*, LAD) kepada pembeli-pembeli yang layak.

Selain itu, KPKT bersama dengan agensi-agensi terlibat telah memulakan inisiatif *war room* bagi mendapatkan penyelesaian melalui pemantauan, penguatkuasaan, menyenarai pendek projek-projek sakit yang boleh dipulihkan serta menggariskan langkah-langkah pemulihan. PR1MA prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pembeli yang terkesan dengan kelewatian projek-projek PR1MA serta sentiasa komited dalam menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti untuk golongan M40.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[ SRI GADING]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [ SRI GADING ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bagaimana Agenda Transformasi Sektor Air 2040 (WST) dapat menyelesaikan masalah bencana banjir yang melanda negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Rancangan Malaysia ke-12 digubal berdasarkan 'Wawasan Kemakmuran Bersama' dan perlu menjurus kepada perkara-perkara pokok untuk kesejahteraan rakyat seperti air yang berkualiti, bekalan dan permintaan air yang mencukupi, sungai yang bersih, pengurusan banjir yang cekap dan pengurusan storan air yang efisien.

2. Transformasi Sektor Air 2040 (*Water Sector Transformation 2040 – WST 2040*) akan dilaksanakan dalam 4 fasa bermula Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sehingga RMKe-15. Fokus utama WST 2040 bagi fasa pertama 2021-2025 adalah bagi memperkuuhkan pelaksanaan *Integrated Water Resources Management* (IWRM). IWRM merupakan satu konsep yang diguna pakai di peringkat antarabangsa yang

menekankan kepada keseimbangan antara pembangunan dan pengurusan air, tanah dan sumber-sumber lain yang berkaitan. Ia bertujuan untuk memaksimakan keberhasilan sosio-ekonomi yang saksama tanpa menjaskannya kelestarian ekosistem. Antara projek yang dilaksanakan bagi menyokong pelaksanaan IWRM di bawah RMKe-12 adalah Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), Program Pembangunan *Water Balance* Bagi Pengurusan Sumber Air Negara (NAWABS) dan Program Ramalan Dan Amaran Banjir Negara (PRAB). Kesemua projek ini merupakan projek sambungan yang telah dilaksanakan dalam beberapa Rancangan Malaysia yang lalu dan merupakan antara *enabler* dalam menyokong pengurusan sumber air yang lestari. Pengukuhan pelaksanaan IWRM akan memastikan negara berada di landasan yang terbaik untuk mengubah landskap pengurusan air negara ke arah menjadikan Malaysia hub industri air di rantau ini menjelang 2040.

3. Di bawah RMKe-12 juga, KASA sedang melaksanakan Kajian Dasar Air Negara. Dasar ini akan dapat membantu Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menguruskan air untuk faedah rakyat dan juga alam sekitar. Dasar ini akan memastikan pengurusan air yang lestari daripada sumber dan balik semula ke sumber (*source to source*) dengan mengambil kira pelbagai konsep dan pendekatan seperti *circular economy* dan *green economy*. Selain itu, ia juga akan memastikan keputusan yang dibuat semasa penyediaan perancangan pembangunan, pelan kecemasan dan pembangunan tanah dan aktiviti-aktiviti lain mengambil kira pengurusan air yang holistik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]  
TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa peratus buah sawit di Malaysia belum dituai atas sebab kekurangan pekerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kekurangan pekerja di sektor perladangan sawit menyebabkan purata pusingan penuaian berkurang daripada 3 kali sebulan (penuaian setiap 10 hari) kepada 2 kali sebulan (setiap 15 hari) dan bagi ladang yang mengalami kekurangan pekerja yang serius, pusingan penuaian berkurang kepada 1 kali sebulan (setiap 30 hari). Pengurangan pusingan penuaian ini akan menyebabkan berlaku kelewatan dalam proses penuaian dan menyebabkan ada buah sawit yang telah masak tidak dituai sepenuhnya dan seterusnya akan mengurangkan jumlah hasil buah sawit yang diperolehi oleh pihak ladang.

Disamping itu, buah yang terlalu masak disebabkan kelewatan proses penuaian akan menyebabkan bilangan buah relai yang banyak apabila ia dituai. Dengan keadaan kekurangan pekerja, akan berlaku keadaan di mana buah relai ini tidak dapat dikutip sepenuhnya. Ini akan menyebabkan kerugian kepada pihak ladang kerana buah relai mempunyai kadar perahan minyak yang tinggi.

## **SOALAN NO : 46**

Bagi tahun 2021, akibat kekurangan pekerja di sektor perladangan sawit (tidak termasuk sektor pekebun kecil persendirian), jumlah Buah Tandan Segar (BTS) yang tidak dapat dituai adalah dianggarkan sebanyak 10.4 juta tan atau 14%. Nilai kerugian dengan mengambil kira jumlah minyak sawit mentah dan minyak isirong mentah yang boleh diperolehi daripada BTS tersebut adalah dianggarkan sebanyak RM10.5 billion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN  
(PAPAR)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) peruntukan pembinaan baru dan pemberian jalan raya di Sabah pada tahun ini khususnya di Parlimen Papar dan jumlah kos yang terlibat; dan
- (b) apakah punca sebenar jalan raya di Sabah cepat rosak sama ada jalan raya berkualiti rendah atau peruntukan tidak mencukupi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha melaksanakan projek-projek pembangunan selaras dengan dokongan Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Beberapa projek pembinaan jalan raya telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia di kawasan Parlimen Papar dan telah siap pelaksanaannya serta telah dibuka untuk kegunaan penduduk setempat iaitu **Projek Menaik Taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur (Pakej 1)** yang telah siap pada 30 Jun 2017 dan **Projek Menaik Taraf Jalan Papar ke Persimpangan Bulatan Benoni yang telah siap pada 26 Jun 2018.**

Manakala satu lagi projek masih dalam pelaksanaan di kawasan Parlimen Papar iaitu **Projek Menaik Taraf Jalan Donggongon ke Simpang Papar Spur (Pakej 2 & 3)** yang melibatkan projek pelebaran jalan daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya serta memberi kemudahan akses ke kampung - kampung di sepanjang laluan tersebut. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2022.

Berkenaan dengan peruntukan dan kerja penyenggaraan, Kementerian ini telah menyediakan program penyenggaraan Jalan Persekutuan di bawah **Penyenggaran Rutin, Program Penyenggaraan Berkala Pavemen mahupun Berkala Bukan Pavemen bagi Tahun 2022.** Namun, pelaksanaan program penyenggaraan ini tertakluk kepada senarai keutamaan oleh JKR Negeri Sabah. Untuk makluman Ahli yang Berhormat , peruntukan penyenggaran rutin dan berkala bagi kawasan Papar adalah sebanyak RM748,000.00 (Rutin) dan RM2.92 Juta (Berkala) melibatkan kawasan Papar dan Kimanis yang merangkumi Jalan

Persekutuan iaitu Laluan 1 Jalan Kota Kinabalu - Sindumin, Laluan 601 Jalan Stesen TV Beacon dan Laluan 602 Jalan Stesen TV Tampasak dengan panjang jajaran 20.4 KM.

Berkaitan isu mutu jalan raya yang berkualiti rendah dan cepat rosak pula, untuk makluman Yang Berhormat Papar, intipati kepada permasalahan kerosakan jalan yang dihadapi oleh rakyat di kawasan Parlimen Papar ini, selain daripada kegagalan struktur tanah di mana jalan ini dibina, kerosakan yang berlaku sebahagian besarnya adalah disebabkan jalan yang dibina ini tidak dapat menampung berat kenderaan dan lebihan muatan yang dibawa melalui jalan penghubung ini. Bagi mengatasi permasalahan ini, Kerajaan Negeri Sabah melalui Agensi Penguatkuasa yang berkaitan perlu mengambil tindakan penguatkuasaan bagi menghalang kenderaan berat yang melebihi had muatan melalui jalan tersebut.

Selain itu, peruntukan terhad yang diterima oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia telah menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan tidak dapat dilakukan secara berkesan

Kementerian Kerja Raya amat komited dalam usaha menangani kerosakan jalan raya dengan memastikan struktur jalan raya di Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan selesa bagi semua pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap pelaburan saham Ketua Pengarah SPRM yang jelas telah melanggar etika Perkhidmatan Awam dalam hal pelaburan di bursa saham.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu saham yang di pertikaikan oleh banyak pihak daripada parti pembangkang sebenarnya telahpun selesai. Selain daripada itu, isu ini juga telah diputuskan dan tiada kes oleh inkir pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Malahan, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (KPSPRM) telah pun melalui beberapa Jawatankuasa iaitu:

- i. Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR),
- ii. Jawatankuasa Mencegah Rasuah Parlimen (JKMR); dan
- iii. Jawatankuasa Aduan (JKA).

2. Menerusi satu kenyataan SC pada 18 Januari 2022, suruhanjaya itu yang selesai menjalankan siasatan menjelaskan bahawa telah menyelesaikan siasatan berdasarkan bukti yang dikumpul dan SC tidak dapat memastikan secara muktamad jika terdapat pelanggaran di bawah Seksyen 25(4) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (SICDA) telah berlaku.

3. Oleh yg demikian, tiada keperluan lagi isu pemilikan saham oleh KPSPRM ini dipertikaikan. KPSPRM juga telah mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang memfitnah beliau dan kes sedang dalam peringkat mahkamah dan sebarang ulasan kes ini juga akan menimbulkan *sub judice*.

4. Kerajaan tidak melindungi individu-individu tertentu atau mengambil tindakan terhadap orang-orang yang tertentu hanya kerana untuk memuaskan hati sesetengah pihak. Sesiapa sahaja bertanggungjawab akan dihadapkan ke muka pengadilan dan mahkamahlah yang akan menentukan sama ada orang itu bersalah atau tidak.

5. Sehubungan itu, semua pihak perlu menerima keputusan SC yang menjelaskan tidak ada kes terhadap KPSPRM berhubung akaun dagangan miliknya dan keputusan hasil siasatan SC perlu menjadi panduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL  
[TENOM]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan iktibar daripada banjir besar yang berlaku di negara kita pada hujung tahun lalu, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kerenah birokrasi di dalam pengurusan bencana alam.

**JAWAPAN**

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Iktibar daripada kejadian banjir besar pada musim Monsun Timur Laut 2021/2022 yang lepas antara lain adalah pengurusan bencana yang meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas perlu dikendalikan secara bersepada oleh semua agensi supaya tindakan di setiap peringkat menjadi lebih efisien dan efektif. Ianya perlu mengambil kira *chain of command* yang teratur dan penyampaian maklumat dua hala yang jelas.
2. Setiap agensi yang terlibat perlu menjalankan peranan dan tanggungjawab selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 untuk mengelak berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani bencana. Ini sekali gus dapat menghindarkan kewujudan birokrasi dan kepincangan dalam setiap kitaran pengurusan bencana
3. Meskipun kesiapsiagaan agensi-agensi berkaitan di setiap peringkat jawatankuasa pengurusan bencana adalah teratur, namun tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi di dalam koordinasi di peringkat sebelum, semasa dan selepas bencana yang sering kali menyebabkan masalah koordinasi berlaku dan ketidakselarasan bantuan bencana.
4. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah baik dari semasa ke semasa kesiapsiagaan pengurusan bencana, antaranya meliputi perkara-perkara berikut:
  - a. Latihan Dan Simulasi Konsisten Di Setiap Peringkat:
    - (i) Modul latihan mengikut peringkat operasi dan taktikal – penganjuran bengkel bagi membincangkan modul bersesuaian dan templat latihan bagi tujuan rujukan di peringkat negeri atau daerah.

- (ii) Latihan pengurusan bencana peringkat negeri dan daerah yang menekankan aspek tindak balas dengan menekankan elemen taktikal seperti pengarahan di tempat kejadian dan komunikasi inter-agensi.

b. Integrasi Maklumat:

- (i) Maklumat setiap agensi diperkemas dan diselaraskan secara lebih baik di Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC).
- (ii) Agensi berkaitan pengurusan bencana meningkatkan kapasiti pelaporan agar lebih segera (*real time*) dan terintegrasi terus dengan NDCC agar ramalan dan amaran awal dapat disampaikan kepada yang berkenaan dengan lebih segera.

5. Dengan kerjasama erat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri juga, bantuan-bantuan Keluarga Malaysia berjumlah RM1.4 bilion yang diumumkan oleh YAB Perdana Perdana, antaranya Bantuan Wang Ihsan (BWI), Bantuan Pembelian Keperluan Asas (BPKA), Bantuan Membina & Membaik Pulih Rumah dan Baucar Diskaun Pembelian Alat Elektrik & Rebat Bil Elektrik telah dipermudah dan dipercepatkan dengan tujuan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini reformasi institusi Parlimen yang dipersetujui oleh pihak Kerajaan serta pembangkang melalui memorandum persefahaman.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Pemandu Transformasi dan Kestabilan Politik telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai antara Kerajaan dan pihak Pembangkang pada 13 September lalu. Jawatankuasa Pemandu ini dipengerusikan secara bersama antara Kerajaan dan pihak pembangkang dengan komposisi ahli merangkumi 5 orang Ahli Parlimen mewakili Kerajaan dan 5 orang Ahli Parlimen mewakili pihak Pembangkang. Status pelaksanaan agenda-agenda MOU dibincangkan dan dipantau melalui sesi Mesyuarat Jawatankuasa

## **SOALAN NO : 50**

Pemandu yang diadakan secara berkala mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak.

Di peringkat Parlimen Malaysia, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen telah distruktur semula bagi memastikan jumlah Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang yang menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen adalah lebih seimbang supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing di dalam Majlis seperti termaktub di dalam Perkara 82(1) Peraturan Mesyurat, dan memastikan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dipengerusikan secara sama rata oleh Ahli Parlimen Kerajaan dan Ahli Parlimen Pembangkang.

Pada masa ini terdapat 10 Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Dewan Rakyat yang kini ditubuhkan dengan lima daripadanya dipengerusikan oleh Ahli Dewan Rakyat daripada Kerajaan dan lima lagi dipengerusikan Ahli Dewan Rakyat daripada Pembangkang.

Komposisi ahli-ahli JKPK juga distrukturkan semula daripada lima (5) ahli daripada Kerajaan dan dua (2) ahli daripada Pembangkang kepada lima (5) ahli Kerajaan dan empat (4) ahli Pembangkang.

Dalam masa yang sama, komposisi keanggotaan Jawatankuasa Pemilih Majlis Dewan Rakyat kini dianggotai empat (4) ahli daripada Kerajaan dan dua (2) daripada Pembangkang, dimana dahulu komposisi Jawatankuasa ini adalah lima (5) ahli daripada Kerajaan dan seorang (1) ahli daripada Pembangkang. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah proses dan prosedur apabila pemimpin sesebuah institusi, seperti Ketua Pesuruhjaya SPRM, perlu disiasat, mengapa siasatan diketuai oleh ahli lembaga pengarah institusi sendiri dan bukan pihak ketiga.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Proses dan prosedur apabila pemimpin sesebuah institusi yang perlu disiasat tatakelakuan dari perspektif tatatertib adalah seperti berikut:

1. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam, Perenggan 3 Ceraian UP.7.4.1, dibawah Tatacara Tatatertib menggariskan sekiranya pemimpin sesebuah organisasi berkenaan diadukan telah melanggar tatakelakuan, Ketua Jabatan bagi pemimpin berkenaan boleh memulakan siasatan dan mengemukakan laporan mengenai sesuatu pelanggaran tatatertib tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) yang berkenaan.

2. Secara umumnya laporan tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) butir-butir dan keterangan mengenai pegawai dan jawatannya;
- (b) kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini;
- (c) perincian mengenai perbuatan salah laku serta fakta, tarikh, masa atau tempoh masa kesalahan dilakukan;
- (d) keterangan mengenai kesalahan yang dilakukan serta apa-apa peruntukan peraturan termasuk perintah atau arahan yang dilanggar;
- (e) bukti/dokumen sokongan, laporan siasatan, keterangan saksi dan sebagainya; dan
- (f) apa-apa tindakan yang telah diambil secara pentadbiran ke atas pegawai itu.

3. Sekiranya laporan yang dikemukakan kepada PBTT tersebut didapati wujud kesalahan, PBTT berkenaan boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap pemimpin berkenaan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993].

4. Oleh itu, siasatan bagi sebarang ketidakpatuhan seperti yang digariskan dalam [P.U. (A) 395/1993] yang melibatkan pemimpin sesebuah organisasi adalah di bawah tanggungjawab pengurusan tertinggi yang menyelia pemimpin organisasi berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJUNG MALIM]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [TANJUNG MALIM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa unit rumah telah dibina untuk generasi ke-2 FELDA diseluruh negara sejak tahun 2020. Berapa permintaan perumahan ini.

**JAWAPAN****DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) merupakan projek sosial yang bertujuan untuk memenuhi permintaan generasi baharu FELDA untuk memiliki rumah mampu milik yang selesa.
2. Sebanyak 8,244 unit rumah di 40 lokasi tanah rancangan FELDA seluruh negara telah dibangunkan. Daripada jumlah tersebut, 2,358 unit rumah PGBF di 11 lokasi berjaya disiapkan (termasuk pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan atau CCC) seperti berikut:

| Bil               | Negeri     | Tapak Projek                                | Bina | Status Projek                  |
|-------------------|------------|---|------|--------------------------------|
| 1                 | Pahang     | Padang Piol                                 | 26   | Serah kunci pada 30 Sep 2019   |
| 2                 |            | Selancar 4/5                                | 480  | Serah kunci pada 25 Ogos 2020  |
| 3                 |            | Selendang 2                                 | 360  | Serah kunci pada 26 Ogos 2020  |
| 4                 |            | Keratong 4                                  | 264  | Serah kunci pada 4 Mei 2018    |
| 5                 |            | Sg Koyan 1b                                 | 24   | Serah kunci pada 2 Mei 2018    |
| 6                 | Johor      | Sg Sibol                                    | 360  | Serah kunci pada 10 Jan 2020   |
| 7                 |            | Inas Utara                                  | 200  | Serah kunci pada 21 Julai 2019 |
| 8                 | Kedah      | Sg Tiang                                    | 80   | Serah kunci pada 6 Jun 2017    |
| 9                 |            | Laka Selatan                                | 300  | Serah kunci pada 9 Ogos 2020   |
| 10                | N.Sembilan | Pasoh 1                                     | 144  | Serah kunci pada 21 Ogos 2020  |
| 11                |            | Pasir Besar                                 | 120  | Serah kunci pada 21 Ogos 2020  |
| <b>Telah Siap</b> |            | <b>2,358 Unit Kediaman PGBF Siap Dibina</b> |      |                                |

3. 2,646 unit rumah PGBF di 12 lokasi sedang dalam proses pembinaan dan dijadual siap secara berperingkat. 1,840 unit rumah PGBF di 10 lokasi telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk disiapkan sepenuhnya. Bagi rumah selebihnya, FELDA sedang menimbang beberapa kaedah untuk menangani masalah ini, termasuk penglibatan sektor swasta. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan pelaksanaan dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 berserta dengan kos pembangunan dasar ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 bagi menentukan hala tuju jangka panjang pembangunan ekonomi negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.
2. Matlamat WKB 2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar untuk semua rakyat pada tahun 2030 dengan tiga objektif

## **NO. SOALAN: 55**

utamanya iaitu pembangunan untuk semua (menstruktur ekonomi), menangani jurang kekayaan dan pendapatan (menangani ketidaksamaan) dan menjadikan negara yang bersatu, makmur dan bermaruah (membina negara).

3. Dasar WKB 2030 merupakan halatuju pembangunan Malaysia dalam tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2030 yang merangkumi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13). WKB 2030 mempunyai matlamat untuk mencapai negara yang bersatu, makmur dan bermaruah.
4. Pada masa ini, pelaksanaan Dasar WKB 2030 dapat dilihat daripada pelaksanaan program, projek dan inisiatif serta peruntukan yang telah diluluskan dalam RMKe12 kepada semua kementerian dan agensi Kerajaan dan pelaksanaannya yang menerapkan intipati Keluarga Malaysia.
5. WKB 2030 telah dibangunkan melalui satu kajian oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 2019 dengan kos pembayaran kajian ini adalah sebanyak RM3.8 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [ HULU LANGAT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh SPR untuk Pilihan Raya Negeri Melaka tahun 2021, serta perbandingan dengan perbelanjaan untuk pengurusan kerusi-kerusi DUN di negeri Melaka semasa PRU-14.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah keseluruhan perbelanjaan SPR dalam melaksanakan PRU DUN Melaka ke-15 adalah **RM45,000,000.00** yang merangkumi perolehan pembelian dan sewaan peralatan pilihan raya, kenderaan, pembangunan ICT, logistik, elauan petugas dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan. Perbelanjaan ini turut mengambil kira peralatan mengikut garis panduan pencegahan COVID-19.
2. Jumlah perbandingan perbelanjaan bagi PRU DUN Melaka ke-15 dengan PRU Ke-14 (Melaka) adalah seperti berikut:

| <b>PRU KE-14 (MELAKA)</b> | <b>PRU DUN MELAKA KE-15</b> |
|---------------------------|-----------------------------|
| RM 13,000,000.00          | RM45,000,000.00             |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)** meminta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan mengapa mereka yang terlibat dalam salah laku projek pembinaan 6 kapal pertempuran (*Littoral Combat Ship*) untuk Tentera Laut DiRaja Malaysia masih belum didakwa di mahkamah. Berapa pampasan yang perlu dibayar oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd atau syarikat-syarikat lain yang telah diberikan kontrak untuk pembinaan kapal-kapal tersebut kepada Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan menyerah sepenuhnya kepada Suruhanjaya Percegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan serta mengambil tindakan sewajarnya jika didapati berlakunya ketidakpatuhan terhadap perolehan *Littoral Combat Ship* (LCS) untuk Tentera Laut DiRaja Malaysia.

Pihak Kementerian memberikan penelitian khusus demi memastikan pembinaan LCS dapat diteruskan bagi mengukuhkan lagi sistem pertahanan dan keselamatan perairan negara. Bagi maksud ini, Kementerian sedang meneliti semula perancangan perolehan bersama dengan Agensi Pusat serta akan mengemukakan pelan pemulihannya sebelum diangkat semula ke Jemaah Menteri untuk pertimbangan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG (KOTA MELAKA)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan status dan perancangan projek naik taraf dan baik pulih bangunan Parlimen Malaysia Fasa 2C(II), termasuk pecahan kos untuk projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Kerja-Kerja Naik Taraf Dan Baik Pulih Bangunan Parlimen Malaysia Fasa 2C (II) telah bermula di tapak pada **14 Julai 2021** dan dijangka siap pada **8 Januari 2025**. Kos projek adalah sebanyak Ringgit Malaysia: Seratus Lima Belas Juta (RM115 juta) dan status semasa kemajuan fizikal adalah enam per puluh empat empat peratus (6.44%), iaitu dua per puluh lima satu peratus (2.51%) **mendahului jadual**.

Berikut adalah pecahan kos projek tersebut:

| NO                   | ITEM  | KOS (RM)              | PERATUS (%)   |
|----------------------|---|-----------------------|---------------|
| A                    | <b>PRELIMINARIES AND GENERAL CONDITION</b>            | 10,551,657.80         | 9.18%         |
| A1                   | <b>ENVIRONMENTAL PROTECTION AND ENHANCEMENT WORKS</b> | 226,800.00            | 0.20%         |
| B                    | <b>BUILDING WORKS</b>                                 | 36,111,458.10         | 31.40%        |
| C                    | <b>EXTERNAL WORKS</b>                                 | 5,144,485.00          | 4.47%         |
| D                    | <b>PRIME COST SUM</b>                                 | 36,758,225.00         | 31.96%        |
| E                    | <b>PROVISIONAL SUM</b>                                | 26,207,374.10         | 22.79%        |
| <b>SUM OF TENDER</b> |   | <b>115,000,000.00</b> | <b>100.00</b> |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN  
[STAMPIN]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pembayaran yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 setakat ini dan apakah sebabnya ramai waris yang telah memohon bantuan khas tersebut sejak tahun 2021 masih belum dibayar bantuan tersebut.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 8 Mac 2022, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah meluluskan bayaran sebanyak RM94.335 juta bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 NADMA kepada 18,867 permohonan yang layak dan lengkap.
2. Antara punca kelewatan adalah termasuk permohonan yang masih diproses dan memerlukan tindakan susulan merangkumi permohonan dengan dokumentasi yang tidak lengkap seperti tiada muka hadapan penyata bank dan maklumat di borang permohonan yang tidak jelas atau kabur.
3. Bagi tujuan ini, NADMA akan menghubungi pemohon bagi mendapatkan dokumen atau maklumat yang lengkap untuk membolehkan permohonan dipertimbangkan dan seterusnya diluluskan.
4. Selepas kelulusan diperolehi, pembayaran kepada akaun bank waris yang memohon melalui kaedah *electronic fund transfer* (EFT) perlulah melalui proses dan tatacara kewangan sedia ada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian bersedia meminda Peraturan Tetap Mesyuarat Parlimen Malaysia seksyen 83(4) bagi membolehkan semua Jawatankuasa Pilihan Khas memutuskan perkara yang perlu dibincangkan secara bebas tanpa merujuk kepada mana-mana Menteri.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Parlimen Malaysia mengambil maklum dengan cadangan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 83(4) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR) bagi membolehkan semua Jawatankuasa Pilihan Khas memutuskan perkara yang perlu dibincangkan secara bebas tanpa merujuk kepada mana-mana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan berhubung pindaan kepada PPMDR perlu dibawa ke Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk diperhalusi dan dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan terhadap saranan dan dapatan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Khas Pembentukan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikannya satu dokumen awam.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada masa ini tidak merancang untuk mengangkat status embargo Laporan Jawatankuasa Khas Pembentukan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya sehingga penelitian dan penilaian ke atas syor-syor selesai dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [ HULU SELANGOR ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf jalan FT01 Templer Park – Tanjung Malim memandangkan projek ECRL jajaran C2 akan melalui sebahagian kawasan tersebut yang akan menyumbang kepada kepesatan dan aliran trafik yang tinggi di kawasan sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum akan laluan ECRL yang akan melalui jalan FT01 Templer Park – Tanjung Malim. Kementerian ini telah mengangkat permohonan Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT01 dari Templer Park ke Tanjung Malim dalam Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) untuk pertimbangan Agensi Pusat. Walau bagaimanapun, berdasarkan agihan siling peruntukan yang terhad dan keutamaan projek, cadangan projek tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek tersebut apabila dimohon dalam Rolling Plan yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada keutamaan Kerajaan Negeri serta ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN YEO BEE YIN [ BAKRI ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan polisi semasa Kementerian berkenaan penggunaan plastik sekali guna di premis dan program Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Seiring dengan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030, Kerajaan telah menguatkucasakan Surat Pekeliling Am Bilangan 2/2019 - Pelaksanaan Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 19 Mac 2019.

2. Berdasarkan kepada surat pekeliling ini, semua kementerian dan agensi kerajaan perlu mengambil langkah menghindari penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program kerajaan termasuklah dengan tidak menyediakan pinggan/ piring/ mangkuk/ cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik. Mereka juga diminta untuk mengadakan kempen dan program kesedaran di kalangan pegawai dan kakitangan bagi memastikan usaha murni ini dilaksanakan dengan teratur di organisasi masing-masing. Surat peringatan pematuhan dan

pemantauan juga telah disusuli pada tahun 2020 dan 2021 kepada semua Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk perhatian, tindakan segera dan dipanjangkan di bawah Agensi masing-masing.

3. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) selaku peneraju pelaksanaan kempen ini telah menjadi contoh dalam penganjuran mesyuarat-mesyuarat serta program-program utama Kementerian dengan melaksanakan amalan-amalan menghindari penggunaan plastik sekali guna dengan kerjasama pihak katerer serta hotel.
4. Selain itu, sebuah program berbentuk kesedaran juga diperkenalkan di bawah Kementerian iaitu “PLASTICBUSTERS”. Ahli Plasticbusters yang dilantik dalam kalangan penjawat awam bertindak sebagai ejen perubahan dan suri tauladan dalam menghindari penggunaan plastik sekali guna di pejabat.
5. KASA sedar bahawa kempen kesedaran dan sesi libat urus yang berterusan dengan semua pihak amat penting dalam memastikan objektif Pelan Hala Tuju ini tercapai. Usaha ini juga akan terus diperkasa melalui *Malaysia Plastics Sustainability Roadmap, 2021 – 2030* yang berteraskan pendekatan “whole-of-nation” (dengan izin).
6. Semua pihak baik kerajaan persekutuan dan negeri, pemain industri, akademik, badan bukan kerajaan mahu pun masyarakat awam perlu bersama-sama dalam mendorong perubahan tingkah laku rakyat bagi mencapai objektif ekonomi kitaran yang menjadi tunjang ekonomi plastik baharu, seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia ke-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan SPRM terhadap bekas Menteri Pengangkutan Liow Tiong Lai memberikan kontrak RM149.5 juta secara rundingan terus kepada syarikat yang sebahagiannya dimiliki (25%) oleh Timbalan Menteri Wee Jeck Seng.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah selesai menjalankan siasatan terhadap isu yang dibangkitkan. Hasil siasatan mendapati tiada elemen kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tanah seluas 200 ekar di Sungai Betul Bawah, Parit Buntar, Perak yang telah dipajak oleh SADC (Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Perak) kepada sebuah Koperasi untuk projek akuakultur (ternakan udang) telah dibuat *Environmental Impact Assessment (EIA)* sebelum projek diluluskan memandangkan kawasan penerokaan adalah di bawah status zon penampang yang diwartakan oleh Rancangan Tempatan Daerah 2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), cadangan projek akuakultur berdasarkan ternakan udang di tanah seluas 200 ekar di Sungai Betul Bawah, Parit Buntar Perak tidak mempunyai sebarang kelulusan Laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). JAS sedang menjalankan siasatan untuk tindakan penguatkuasaan di bawah AKAS 1974.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tujuan dan hasil penglibatan pakar Malaysia dalam bengkel perbincangan pembangunan Stesen Sains Antarabangsa Lunar, China pada September 2021 dan apakah langkah susulan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa merupakan inisiatif kerjasama antara pihak China dan Rusia dalam membangunkan fasiliti penyelidikan yang lengkap di bulan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan saintifik dalam pelbagai bidang serta penerokaan dan pencerapan bulan.
2. Cadangan program ini telah diumumkan dengan izin, di *58<sup>th</sup> Session of the Scientific and Technical Subcommittee (STSC), United Nations Committee on the Peaceful Uses of Outer Space (UNCOPUOS)* pada April 2021. Program ini dibuka kepada semua negara untuk terlibat di semua peringkat perancangan, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan pengoperasian fasiliti dan penglibatan dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan.
3. Pada 27 September 2021, satu (1) seminar tertutup iaitu Bengkel pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa atau dengan izin, *Russian-Chinese Joint Seminar on Cooperation in International Lunar Research Stations* telah dianjurkan oleh China National Space Administration (CNSA) dan State Space Corporation ROSCOSMOS di Zhuhai, China. Seminar ini telah dihadiri oleh pakar-pakar dari United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA), European Space Agency (ESA), Asia-Pacific Space Cooperation Organization (APSCO) dan beberapa buah negara termasuk seorang pakar dari Malaysia. Seminar ini diadakan bertujuan membincangkan mengenai penyediaan deklarasi oleh pihak China berkaitan cadangan pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa di Bulan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pakar dari Malaysia yang menghadiri Bengkel Pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa tersebut ialah Tan Sri Profesor

Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman. Kehadiran beliau **bukan mewakili negara tetapi adalah di atas kapasiti peribadi** sebagai mantan Pengarah United Nations Office for Outer Space Affairs (UNOOSA) dan pakar astrofizik bagi memberi input dan pandangan berdasarkan kepakaran beliau terhadap penyediaan dokumen deklarasi berkaitan cadangan pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa di Bulan oleh pihak China yang dibincangkan dalam bengkel tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Buat masa ini, Kerajaan belum berhasrat untuk menandatangani dan menyertai mana-mana program sama ada pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa oleh pihak China atau pun program Artemis Accords yang diterajui oleh National Aeronautics and Space Administration (NASA), Amerika Syarikat. Kerajaan sedang meneliti sebelum menyertai dan menandatangani program seumpama ini dari pelbagai aspek seperti implikasi kewangan dan kelebihan yang menguntungkan negara sebelum menyertai inisiatif pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa atau pun Artemis Accords.

6. Negara juga sedang meningkatkan kemampuan penguasaan teknologi angkasa dalam kalangan pakar-pakar tempatan daripada pihak Kerajaan dan swasta. Memandangkan kedua-dua program ini melibatkan aktiviti-aktiviti penerokaan di angkasa, maka negara sedang memperkuuhkan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030 dan meratifikasi triti angkasa antarabangsa berkaitan angkasa. Negara juga perlu mempunyai dan menguatkuasakan akta angkasa domestik bagi mengawal selia aktiviti angkasa sebelum menyertai aktiviti-aktiviti berkenaan bagi memastikan pematuhan perundangan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian sedang melaksanakan tindakan untuk menguatkuasakan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 yang telah diwartakan pada 25 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil untuk menghapuskan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam SPRM.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah-langkah pencegahan di peringkat dalaman, SPRM mengambil inisiatif membuat penambahbaikan kepada beberapa perkara dasar dengan mengemaskini dan meneliti kembali Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya SPRM berkaitan prosedur dan peraturan penyiasatan serta lain-lain arahan dalaman bagi tujuan pengawalseliaan pegawai SPRM seperti perisytiharan harta di Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) untuk tindakan pemantauan serta penggunaan *e-diary* pegawai yang sentiasa dikemaskini untuk tujuan pemantauan tugasan oleh penyelia.

Selain daripada itu, bagi memastikan integriti yang tinggi dalam kalangan warganya, usaha – usaha yang telah dilakukan antara lain adalah seperti berikut:

- 1) Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan untuk menggalakkan akauntabiliti dan memantapkan integriti dalam kalangan warga SPRM ke arah pencapaian prestasi kerja yang cemerlang. Kod Etika dan Tatakelakuan ini menjelaskan norma kelakuan dan panduan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh setiap warga SPRM bagi memastikan segala tindakan adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- 2) Pembangunan serta pelaksanaan Pelan Antirasuah SPRM (PARAS) 2021-2025 bertujuan untuk langkah kawalan dalaman. PARAS adalah usaha SPRM untuk menangani risiko perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran integriti oleh warga kerjanya dan seterusnya memperkuatkuhan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan SPRM kepada masyarakat; dan

- 3) SPRM juga mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana warganya yang melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi kes-kes yang tidak bersifat jenayah.

Bagi memelihara integriti warga SPRM, tindakan *Integrity Testing* seperti ujian air kencing bagi pengesanan penggunaan bahan terlarang sentiasa diadakan secara berkala dan mengejut di semua SPRM Bahagian dan Negeri. Pemeriksaan pematuhan terhadap arahan-arahan dalaman SPRM juga diadakan secara berkala bagi memastikan warga SPRM menjalankan tugas mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Laporan tindakan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA).

Untuk makluman Yang Berhormat jua, salah satu jawatankuasa pemantau bebas SPRM adalah Jawatankuasa Aduan (JKA) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 15 Akta SPRM 2009 (Akta 694). JKA berperanan untuk mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan mengemukakan syor untuk penambahbaikan. JKA juga memantau pengendalian oleh Suruhanjaya terhadap aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM.

Selain daripada itu, SPRM juga sedang membuat semakan semula kepada Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya (PTKP), Arahan Timbalan Ketua Pesuruhjaya dan lain-lain arahan dalaman yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa orang pegawai SPRM yang telah tertangkap dan didakwa di dalam kes rasuah dan jenayah di dalam 10 tahun terakhir ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan tiada pegawai SPRM yang terlibat di dalam kes-kes jenayah.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, seramai lima belas (15) orang pegawai SPRM telah ditangkap dan tujuh (7) orang telah dituduh bagi kes rasuah dan jenayah dalam 10 tahun terakhir ini.

Bagi memastikan integriti yang tinggi dalam kalangan warganya, usaha – usaha yang telah dilakukan antara lain adalah seperti berikut:

- 1) Penggubalan Kod Etika dan Tatakelakuan untuk menggalakkan akauntabiliti dan memantapkan integriti dalam kalangan warga SPRM ke arah pencapaian prestasi kerja yang cemerlang. Kod Etika dan Tatakelakuan ini menjelaskan norma kelakuan dan panduan tingkah laku yang perlu dipatuhi oleh setiap warga SPRM bagi memastikan segala tindakan adalah selaras dengan peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- 2) Pembangunan serta pelaksanaan Pelan Antirasuah SPRM (PARAS) 2021-2025 bertujuan untuk langkah kawalan dalaman. PARAS adalah usaha SPRM untuk menangani risiko perlakuan jenayah rasuah dan pelanggaran integriti oleh warga kerjanya dan seterusnya memperkuatkannya kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan SPRM kepada masyarakat; dan
- 3) SPRM juga mengambil tindakan tatatertib terhadap mana-mana warganya yang melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi kes-kes yang tidak bersifat jenayah.

Dalam usaha memelihara integriti warga SPRM, tindakan *Integrity Testing* seperti ujian air kencing bagi pengesanan penggunaan bahan terlarang sentiasa diadakan secara berkala dan mengejut di semua SPRM Bahagian dan Negeri. Selain daripada itu, pemeriksaan pematuhan terhadap arahan-arahan dalaman SPRM juga diadakan secara berkala bagi memastikan warga SPRM menjalankan tugasan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Laporan tindakan ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan (JKA)

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, salah satu jawatankuasa pemantau bebas SPRM adalah Jawatankuasa Aduan (JKA) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 15 Akta SPRM 2009 (Akta 694). JKA berperanan untuk mengenal pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan menggemukakan syor untuk penambahbaikan. JKA juga memantau pengendalian oleh Suruhanjaya terhadap aduan mengenai salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER  
A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci senarai mesyuarat-mesyuarat di luar negara khususnya di Eropah yang telah dihadiri oleh Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Dato' Mohd Rashid bin Hasnon semasa seluruh Eropah masih lagi menyambut perayaan Krismas.**

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cuti seberang laut adalah terkandung dalam peruntukan perkara 23A Kertas Statut No. 95 Tahun 1980 dan Kertas Statut No. 50 Tahun 2010 bagi Kemudahan Cuti Rehat Di Seberang Laut oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Bagi pertanyaan khusus cuti seberang laut oleh Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat semasa Krismas, jelas setiap prosedur dipatuhi sebaiknya iaitu berdasarkan kelayakan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat oleh kertas statut tersebut dan permohonan cuti telah dipanjangkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20 Oktober 2021 dan YAB Perdana Menteri pada 6 Oktober 2021. Kelulusan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan YAB Perdana Menteri telah diperolehi pada 21 Oktober 2021 dan 8 Oktober 2021.

Ingin ditegaskan bahawa pematuhan kepada setiap peruntukan adalah amalan penting yang diterapkan oleh Parlimen Malaysia khususnya Yang di-Pertua mahupun Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat bagi memastikan pengurusan negara berjalan dengan lancar dan tertib seperti yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH  
BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD  
DUN (BEAUFORT)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN (BEAUFORT) minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:**

- (a) seiring dengan norma baharu pembelajaran secara dalam talian, berapa jumlah perbelanjaan bagi bantuan komputer riba kepada pelajar B40; dan
- (b) berapa ramai yang menerima manfaat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Inisiatif Peranti Siswa Keluarga Malaysia (PRSIS) di bawah Belanjawan 2022 yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) disasar dilaksanakan bermula penggal pertama tahun 2022 melibatkan peruntukan berjumlah RM450 juta.

Pelaksanaan inisiatif PRSIS ini dijangka dapat membantu seramai hampir 350,000 orang mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berada di dalam kelompok keluarga B40 dan berkeperluan yang akan dibekalkan dengan peranti mudah alih berupa *tablet* yang mengandungi spesifikasi dan kapasiti yang mencukupi bagi menyokong keperluan asas pembelajaran akademik mereka di IPT. Ia akan diberikan secara pinjaman bagi memastikan kelangsungan manfaat inisiatif ini berterusan kepada kumpulan sasaran mahasiswa pada tahun-tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[ PONTIAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [ PONTIAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan untuk membangunkan kawasan sempadan Sabah dan Sarawak memandangkan berlaku peralihan ibu negara Indonesia. Minta juga rancangan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar secara umum dan khususnya di kawasan sempadan negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan kawasan sempadan di Sabah dan Sarawak adalah antara perkara yang dibincangkan dalam Bab 7 RMKe-12, iaitu Memperkuuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Beberapa inisiatif yang dikenalpasti adalah seperti Ketersambungan Infrastruktur untuk Menggalakkan Hubungan Ekonomi yang Lebih Kukuh dengan Kalimantan dan Mempertingkat Keselamatan Sempadan dan Maritim.
2. Di bawah *Rolling Plan 2 Tahun 2022*, negeri Sabah telah diluluskan peruntukan pembangunan asas (DE Asas) sebanyak hampir RM5.17 bilion bagi pelaksanaan sejumlah 1,048 projek di bawah pelbagai Kementerian. Manakala bagi Sarawak, telah diluluskan DE Asas sebanyak RM4.44 bilion bagi pelaksanaan sejumlah 889 projek di bawah pelbagai Kementerian. Antara projek berkaitan perancangan dan pembangunan kawasan sempadan yang diluluskan adalah:
  - i) Kajian Pembangunan Ekonomi di sempadan Sabah oleh pihak Autoriti Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA), dengan kos RM10 juta (peruntukan RP2 2022 sebanyak RM1 juta). Kajian ini akan mengambil tempoh masa selama 24 bulan dan dijadualkan bermula pada Jun 2022 sehingga Jun 2024;
  - ii) Projek Pembinaan Pos Simanggaris, Kalabakan dengan kos projek RM2 juta (peruntukan RP2 2022 sebanyak RM500 ribu);
  - iii) Projek Naiktaraf Kompleks ICQS Tebedu, Serian, Sarawak dengan kos projek RM100 juta (peruntukan RP2 2022 sebanyak RM500 ribu); dan
  - iv) Projek Jalan dari Sempadan Ba'kelalan/Kompleks CIQ Menghala ke Lawas dengan kos projek sebanyak RM80 juta.

3. Dalam usaha meningkatkan ketersambungan jalan di kawasan sempadan, Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya turut melaksanakan Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 (HNDP 2040) bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kos kajian sebanyak RM7 juta.
4. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia sentiasa membincangkan perkara melibatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala berkenaan pembangunan wilayah sempadan negara dalam pelbagai platform. Antara kerjasama tersebut termasuklah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA). Di dalam platform BIMP-EAGA ini, pelbagai perkara dibincangkan khususnya untuk meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) antara wilayah dan juga mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk wilayah BIMP-EAGA.
5. Sebagai usaha menambah baik tadbir urus Kerajaan dalam perancangan pembangunan sempadan, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri telah membentuk sebuah Pasukan Petugas Khas (*Taskforce*) Mengenai Pembangunan Di Kawasan Sempadan Malaysia dan Indonesia (Sabah-Sarawak-Kalimantan). *Taskforce* ini merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Kerja Sosio-Ekonomi (JKSE) yang bertujuan untuk meneliti perkara-perkara berkaitan pembangunan di kawasan sempadan tersebut. Antara hala tuju *Taskforce* ini adalah merancang dan menyelaras penyediaan Pelan Tindakan Pembangunan di Sempadan Malaysia dan Indonesia (Sabah-Sarawak-Kalimantan) dan memantau pelaksanaan.
6. Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan bagi pembangunan kawasan sempadan di Sabah dan Sarawak ini akan menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan penduduk di negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk menjayakan konsep “Keluarga Malaysia” :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi berdasarkan kaum, jantina dan agama mengikut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan; dan
  
- (b) apakah rancangan Kerajaan untuk memupuk keistimewaan nilai kepelbagaian budaya dan agama dalam masyarakat majmuk Keluarga Malaysia supaya negara kita terkenal dengan slogan “Malaysia Truly Asia”.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep Keluarga Malaysia ini mengetengahkan tiga (3) nilai utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Nilai-nilai ini perlu diterapkan dalam tindakan dan pelaksanaan dalam pentadbiran Kerajaan hari ini.
2. Skuad Keluarga Malaysia yang telah dilancarkan pada 8 Oktober 2021 lalu yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga (KPWKM) melaksanakan operasinya dengan kaedah pendampingan sosial untuk mendekati mereka yang ditimpa kesusahan akibat pandemik atau bencana. Program ini mensasarkan untuk memberi bantuan kewangan dan bukan kewangan yang sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka.
3. Selain itu, menerusi Konvensyen Mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) yang disertai oleh Malaysia sejak tahun 1995, KPWKM secara berterusan meningkatkan usaha dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menghapuskan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita menerusi perundangan, inisiatif sosial serta perkhidmatan sokongan yang mencegah keganasan terhadap wanita. Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Anti Gangguan Seksual merupakan salah satu agenda kerajaan dalam menangani dan menghapuskan diskriminasi berdasarkan gender di negara ini.
4. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pula telah menghasilkan empat (4) dokumen utama sebagai asas hala tuju inisiatif perpaduan

negara iaitu Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 dan KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia. Pelaksanaan program-program yang dirangka melalui pelan-pelan oleh KPN dengan penglibatan serius daripada semua pihak akan dapat memastikan sasaran Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) di bawah Bidang Keutamaan E : Memperkuatkan Perpaduan Untuk Negara Makmur ini dapat dicapai.

5. Selaras dengan intipati dan konsep Keluarga Malaysia, antara rancangan Kerajaan untuk memupuk keistimewaan nilai kepelbagaian budaya dan agama dalam masyarakat majmuk Keluarga Malaysia supaya negara kita terkenal sebagaimana slogan “Malaysia Truly Asia” adalah seperti berikut:

- a) Program Intelek Seni Program Intelek Seni merupakan program berbentuk ilmiah memfokuskan pada perkongsian pengetahuan golongan pakar seni budaya tempatan untuk meningkatkan kefahaman serta apresiasi masyarakat terhadap kepelbagaian adat budaya masyarakat majmuk di Malaysia;
- b) Program Pelancongan Budaya (*Cultural Based Tourism*) adalah program bagi menyemarakkan seni budaya secara hibrid dengan penglibatan pelbagai pihak serta NGO seni budaya menonjolkan aktiviti seperti demonstrasi, pameran, jualan, bengkel / latihan / masterclass, pertandingan, pencungkilan bakat, aktiviti kesenian, kebudayaan dan sukan rakyat pelbagai kaum.
- c) Syarahan Perdana Budaya merupakan sesi perkongsian ilmu yang mengupas isu-isu berkaitan kebudayaan, sejarah, sosial dan kemasyarakatan yang disampaikan oleh tokoh-tokoh ternama dalam bidang seni budaya dan korporat.

**NO. SOALAN: 72**

- d) Program Merakyatkan Seni Budaya diadakan bertujuan untuk mendekatkan masyarakat khususnya masyarakat luar bandar dengan kegiatan seni, budaya dan warisan tempatan. Selain itu, program ini turut menjadi wadah untuk memupuk amalan budaya nilai tinggi termasuk nilai-nilai murni, semangat kerjasama, toleansi, keharmonian serta perpaduan masyarakat berteraskan konsep Keluarga Malaysia. Antara pengisian program adalah seperti kenduri rakyat, gotong royong dan pengagihan bantuan Kepada golongan yang memerlukan.
6. Sehubungan itu, melalui program-program yang dilaksanakan menerusi pelbagai Kementerian seperti ini, nilai inklusiviti dapat diterapkan agar mereka yang memerlukan diberikan bantuan dan nilai kebersamaan dapat disebarluaskan. Pelbagai agensi akan bersama-sama membantu rakyat yang dalam kesusahan serta memastikan nilai kesyukuran dapat dipupuk dalam kehidupan Keluarga Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum, agama atau jantina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
[KOTA RAJA]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Malaysia mempunyai rancangan untuk meraktifikasi Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 untuk memberikan Malaysia kuasa perundangan yang jelas untuk mengawal selia masalah pelarian di dalam negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Adalah menjadi hasrat semua negara untuk menjadi Negara Ahli kepada Konvensyen dan Protokol dibawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 termasuk Malaysia. Sebagai negara ahli, Malaysia perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dibawah Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 dan memberikan hak-hak kepada pelarian.
2. Secara amnya, hak-hak tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) Hak untuk tidak dihantar pulang secara paksa ke negara lain (termasuk negara asal) di mana pelarian tersebut mungkin berhadapan penganiayaan – Artikel 33.
  - (ii) Pengecualian/pembebasan daripada sebarang bentuk hukuman dari memasuki mana-mana wilayah/kawasan di negara parti secara tidak sah – Artikel 31.
  - (iii) Hak untuk mendapatkan pekerjaan – Artikel 17.
  - (iv) Hak untuk mendapatkan penempatan/perumahan – Artikel 21.
  - (v) Hak untuk mendapatkan Pendidikan – Artikel 22.
  - (vi) Hak untuk mendapatkan bantuan umum/sokongan – Artikel 23.
  - (vii) Hak untuk kebebasan beragama dan akses kepada pengadilan – Artikel 4 & 16.
  - (viii) Hak dan kebebasan bergerak – Artikel 26.
  - (ix) Hak untuk diberikan status/identiti dan dokumen perjalanan sah – Artikel 27 & 28.

3. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menjadi negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967 kerana tidak dapat melaksanakan sepenuhnya hak dan tanggungjawab sebagai negara ahli. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Malaysia tidak memberikan bantuan dan perlindungan kepada pelarian tersebut. Atas dasar kemanusiaan, Kerajaan telah membenarkan pelarian yang mendapat kad UNHCR untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga. Kerajaan juga telah memberikan akses kepada aspek pendidikan dan perubatan sebagaimana hak-hak yang dinikmati oleh warga negara.
4. Bagi tujuan mengawal selia pelarian di dalam negara, Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang Kad UNHCR yang dikeluarkan pada tahun 2009 adalah menjadi asas utama pengurusan pelarian di Malaysia. Kerajaan kini sedang di dalam proses menyemak, mengemaskini dan memperkemaskan Arahan MKN No. 23 ini serta dasar – dasar lain sedia ada secara terperinci ke atas pelarian seterusnya meningkatkan lagi pengurusan pelarian di Malaysia sehingga negara benar – benar bersedia untuk meratifikasi Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol Status Pelarian 1967.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.  
TAHIR [ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]  
minta MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan adakah  
Kementerian tidak bercadang untuk membina lebih banyak Terowong  
Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART) serta mewujudkan Kota  
Span sebagaimana di China atau Jepun.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. JPS melalui KASA sedang merancang dan melaksanakan program-program rancangan tebatan banjir secara struktur dan bukan struktur bagi megurangkan risiko banjir secara holistik dengan peruntukan kos yang optimum. Rancangan tebatan banjir secara struktur meliputi komponen kerja yang luas yang merangkumi pembinaan terowong, jalan raya pengurusan banjir (SMART), pembinaan kolam takungan banjir, empangan dan lain-lain komponen berdasarkan kepada kesesuaian dan keperluan geografi setempat.
2. Untuk makluman YB, sebahagian daripada konsep *Sponge City* sudah pun digunakan dalam garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang perlu dipatuhi dan diamalkan oleh pemaju. Garis panduan ini bertujuan untuk mengawal selia aktiviti pembangunan dan membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam pengurusan air larian hujan yang lestari. Manual ini boleh digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam sebarang perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan, komersial dan perindustrian di kawasan bandar.
3. Pemakaian dan pelaksanaan sistem saliran berkonsepkan MSMA yang beroperasi dan diselenggarakan dengan baik secara berterusan bukan sahaja dapat mengatasi masalah banjir kilat, banjir lumpur serta pencemaran sumber air tetapi dalam jangka masa panjang ia akan dapat meningkatkan kualiti air yang mengalir ke sungai.
4. Untuk makluman pihak YB juga, Kementerian akan melihat semula kajian pembinaan dan keberkesanan terowong seumpama terowong SMART bagi menangani impak banjir di bandaraya Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022**

**SOALAN**

**YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratuskah penemuan Laporan Ketua Audit Negara 2020 yang telah diselesaikan dan jenis tindakan yang diambil sehingga hari ini mengikut agensi.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua 22 penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 Oktober 2021, masih belum diselesaikan.

Penemuan yang telah dibangkitkan melibatkan 7 isu untuk tindakan punitif dan 15 isu bagi tindakan korektif. Kesemua 22 isu tersebut telah dimuat naik dan dipaparkan dalam Auditor General's Dashboard (AGD) dan masih berstatus kuning (isu masih dalam tindakan). Jabatan Audit Negara melalui Bahagian Susulan Audit akan membuat tindakan susulan terhadap kesemua 22 isu tersebut sehingga selesai (berstatus hijau).

Secara khususnya, tindakan yang diambil mengikut agensi adalah berdasarkan kategori penemuan sama ada kategori korektif atau punitif. Penemuan korektif bermaksud tindakan pembetulan berbentuk penambahbaikan prosedur yang mampu diselesaikan oleh audit. Penemuan punitif bermaksud, isu yang melibatkan potensi ketirisan, penyelewengan atau kecuaian yang perlu disiasat lanjut oleh audit atau agensi penguat kuasa.

Status penemuan audit kategori punitif dan tindakan yang diambil mengikut pengauditan dan agensi adalah seperti berikut:

- i. Pengauditan Bayaran Tuntutan Kos Penyenggaraan Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan – Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri:
  - a) Isu telah disiasat lebih lanjut dan dikategorikan semula sebagai isu korektif. Susulan lanjut melalui AGD

- terhadap tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh auditi.
- ii. Pengauditan Kutipan Hasil Pas Lawatan Kerja Sementara Secara Dalam Talian Melalui Syarikat Perkhidmatan – Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri –
- a) Siasatan di peringkat SPRM terhadap pegawai MyEG dan pemeriksaan sistem dan prosedur Jabatan Imigresen Malaysia;
  - b) Isu dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Tindakan LKAN untuk perbincangan lanjut;
  - c) Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Khas oleh JPA mengenai kecuaian pegawai awam;
  - d) Penambahbaikan proses dan prosedur di Jabatan Imigresen Malaysia melalui GIACC; dan
  - e) Tindakan/ kajian berkaitan dasar dokumen terperingkat oleh Kementerian Dalam Negeri.
- iii. Pengauditan Sumbangan Bantuan Penyelenggaraan Kepada Sekolah Bantuan Kerajaan – Kementerian Pendidikan Malaysia:
- a) Siasatan di peringkat SPRM.
  - b) Susulan lanjut melalui AGD terhadap tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh auditi.
- iv. Pengauditan Bayaran Kerja Menaik Taraf Sistem Kawalan dan Automasi Pentas Panggung Sari – Istana Budaya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia:
- a) Siasatan di peringkat SPRM; dan
  - b) Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Khas oleh JPA mengenai kecuaian pegawai awam.

- v. Pengauditan Hasil sewa Tanah dan Bangunan – Kementerian Pertahanan:
- a) Isu telah disiasat lanjut dan dikategorikan semula sebagai isu korektif. Susulan lanjut melalui AGD terhadap tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh audit.
- vi. Pengauditan Taksiran Duti Kastam bagi Kenderaan Import Baharu dan Terpakai – Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan:
- a) Siasatan di peringkat SPRM; dan
  - b) Penambahbaikan proses dan prosedur di JKDM melalui GIACC.
- vii. Pengauditan Tuntutan Bayaran Balik Kos Pembaharuan Lesen Perisian Berkaitan Sistem MyResults – Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan:
- a) Penubuhan Jawatankuasa Siasatan Khas oleh JPA mengenai kecuaian pegawai awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN:**

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSSC) Perubahan Iklim, Bencana dan Alam Sekitar. Apakah langkah yang boleh diambil untuk memastikan berlakunya ketelusan dan akauntabiliti dalam menghadapi bencana khususnya di pihak Kerajaan.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kini terdapat 10 Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-Hak di Bawah Perlembagaan
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan Dan Ekonomi

- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan
- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Agensi-Agenzi Di Bawah Jabatan Perdana Menteri
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian Dan Perdagangan Dalam Negeri
- vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur
- vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan
- viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial
- ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi
- x. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Antarabangsa

Oleh itu, Jawatankuasa yang berkaitan seperti di atas boleh meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat seperti mana yang digariskan dalam terma-terma rujukan. Namun demikian, apa-apa cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas yang baharu bolehlah dibawa ke Jawatankuasa Dewan untuk diperhalusi dan diputuskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN  
[ SIK ]**

**TARIKH : 16 MAC 2022 (RABU)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ruang di bawah Akta Imigresen bagi memberi ruang dan peluang anak-anak pelarian dalam negara supaya tiada halangan untuk mereka belajar di institusi pendidikan awam dan swasta dalam mewujudkan kelompok pelarian yang berilmu dan berakhhlak.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini undang – undang negara telah menetapkan bahawa pelarian dan pemohon suaka ini adalah dirujuk sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Pemegang Kad UNHCR sebagaimana yang telah ditakrifkan dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No.23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang Kad UNHCR yang dikeluarkan pada tahun 2009.
2. Namun, Seksyen 8 Akta Imigresen 1959/1963 [Akta 155] telah menyatakan bahawa “Pendatang asing tanpa izin (PATI)” ertiya imigran larangan yang membawa maksud:

*mana-mana orang yang seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuat kuasa supaya memiliki dokumen perjalanan yang sah, tidak memiliki dokumen-dokumen itu atau memiliki dokumen perjalanan yang atau diubah palsu atau dokumen perjalanan yang tidak mematuhi dengan sepenuhnya undang-undang tersebut. Keluarga dan orang tanggungan seorang imigran larangan;*

***atau***

*mana-mana orang yang kemasukannya ke Malaysia adalah atau pada masa kemasukannya, menyalahi undang- undang bertulis yang berkuat kuasa pada masa itu.*

3. Walaubagaimanapun, Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang Memegang Kad UNHCR diberikan pengecualian terhadap kedua – dua perkara yang telah disebutkan di dalam Seksyen 8 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] yang bertujuan bagi membolehkan golongan ini berada secara sementara di dalam negara sebelum dipindahkan ke negara ketiga atau pulang ke negara asal secara sukarela.
4. Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan akan terus membantu pelarian dalam aspek pendidikan iaitu anak-anak pelarian dan pemohon suaka ini boleh mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di Pusat Bimbingan Alternatif (*Alternative Learning Center-ALC*) yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan, komuniti pelarian, Institusi Pendidikan Swasta dan UNHCR.
5. Kerajaan kini sedang dalam proses menyemak, mengemaskini dan memperkemaskan Arahan MKN No. 23 ini serta dasar – dasar lain sedia ada termasuklah membabitkan pendidikan secara terperinci ke atas pelarian dan seterusnya menambahbaik lagi pengurusan pelarian di Malaysia.

Sekian, terima kasih.